

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلِي مَبْنِيَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2024

KP PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK & MATEMATIK PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

KETUA PTJ :

HARYANI BINTI HARON

KETUA UNIT KUALITI :

NATRAH BINTI ABDULLAH @ DOLAH

PENYELARAS :

NURULHUDA BINTI NOORDIN

PENULIS :

1. NUR HAZWANI AQILAH BINTI ABDUL WAHID
2. NUR HAZWANI AQILAH BINTI ABDUL WAHID
3. NATRAH BINTI ABDULLAH @ DOLAH
4. NATRAH BINTI ABDULLAH @ DOLAH
5. NURULHUDA BINTI NOORDIN
6. NURULHUDA BINTI NOORDIN
7. MOHD NAZRUL BIN MOHD AMIN

8. MOHD NIZAM BIN YUNUS
9. SUZANA BINTI AHMAD
10. YUZI BINTI MAHMUD
11. JAFALIZAN BIN MD JALI
12. MOHAMMAD FAZLI BIN BAHARUDDIN
13. HAZIZAH BINTI MOHD IJAM
14. SITI NUR KAMALIAH BINTI KAMARUDIN
15. SYED HARUN BIN SAID MOHD
16. ZULKIFLI BIN SA'DON
17. NOR DIANA BINTI AHMAD
18. SITI AFIQAH BINTI MUHAMAD JAMIL
19. NUR SYAZANA BINTI ANUAR
20. MUHAMAD RIDHWAN BIN MOHAMAD RAZALI

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

KPPIM berhasrat melahirkan graduan yang mempunyai **kelestarian diri (self-sustained)** dari segi intelek, jasmani, rohani, emosi, dan sosial. Oleh itu Pengurusan Kanan telah merangka beberapa **perancangan** dengan memformulasikan Pelan Tindakan Strategik (PTS) yang dibangunkan berdasarkan Pelan Strategik 2025 KPPIM dan Misi dan Visi UiTM. Semasa perancangan PTS, kekuatan, kekurangan, peluang dan ancaman telah dinilai dan risiko tidak mencapai sasaran telah dikenalpasti. Bermula dengan penetapan inisiatif, tagline **Iconic and Impactful**, objektif strategik dan **Model Mahasiswa KPPIM** bertemakan "Sought After and Self Sustained" telah berjaya dibentuk. Input dan keterlibatan dari semua peringkat diutamakan untuk perancangan yang lebih teliti bagi memastikan hasrat dapat dicapai.

KPPIM **melaksanakan** hebahan strategi dan matlamat melalui pelbagai platform termasuk mesyuarat, laman sesawang, media sosial, dan *town hall*. **Pemetaan** projek dengan elemen model mahasiswa dan elemen Industri 4.0 dilakukan bagi meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran pelajar di peringkat global. Bertemakan **KPPIMGoGlobal**, kerjasama antara Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP), Pejabat Hal Ehwal Akademik (HEA), dan Pejabat ICAN telah dijalinan. Usaha ini mendapat sokongan teknologi seperti virtual machine, pelayan awan, dan sistem-sistem. Terdapat 27 kelab dan persatuan yang berdaftar, menyediakan ruang kepada pelajar untuk mengembangkan minat, kemahiran, dan kepimpinan. Kerjasama dengan pemain industri terkemuka telah memberi impak positif yang signifikan, termasuk pendedahan yang lebih luas kepada pelajar serta peluang untuk terlibat dalam program mobiliti, pensijilan, latihan, dan aktiviti keusahawanan. Ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran pelajar di peringkat global tetapi juga memberi mereka pengalaman langsung yang relevan dengan industri semasa.

Pemantauan terhadap bidang tumpuan telah dilaksanakan dengan sistematik melalui pelaporan, mesyuarat secara berkala, mesyuarat khas jika berkeperluan dan *town hall*. Mesyuarat JEK menyediakan agenda khas bagi tujuan pelaporan kemajuan PI bagi setiap suku tahun bagi melihat pencapaian bidang tumpuan selari dengan sasaran. Aplikasi Skor Simulator digunakan sebagai platform untuk memantau kemajuan semasa PI. Dekan HEP telah mengambil langkah proaktif dengan membuka beberapa saluran aduan lain seperti talian telefon, sistem pesanan ringkas bagi menerima aduan dari pelajar dan staf. Pemantauan **pembelajaran berdasarkan pengalaman** menggunakan Model Winner's Journey WTEC dan pencapaian akademik menggunakan Polisi Pentaksiran & Penilaian Akademik UiTM. Prestasi pentadbir akademik dipantau melalui anugerah bulanan *Star of the Month*. Pemantauan kualiti penganjuran program pelajar melalui borang soalselidik hasil program. Pemantauan perkhidmatan infrastruktur dan infostruktur dibuat melalui borang aduan elektronik. Aktiviti audit seperti Audit Dalam, Audit Luar dan Semakan Program Akademik telah berlaku bagi memantau tahap kepuasan pelajar berkaitan bertujuan pengekal standard dan pengukuhan kualiti bagi memenuhi permintaan semasa dan pada masa hadapan.

Amalan budaya **penambahbaikan berterusan** dibincangkan melalui Mesyuarat Eksekutif, Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Aktiviti Pelajar (JPAP) dan Mesyuarat Akademik Kolej (JAKP). Arahan tindakan pembedahan dan penambahbaikan dibuat terus kepada pegawai bertanggungjawab melalui arahan tindakan menunjukkan pendekatan yang reaktif dan responsif KPPIM. Hasil pemantauan dilaporkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Aktiviti audit berlaku bertujuan pengekal standard dan pengukuhan kualiti bagi memenuhi keperluan BT. Bengkel, seminar, penganjuran

perencanaan, program mobilisasi pengingat nasional dan antarabangsa dan aktivitas kerja sama industri telah membantu membuat penambahbaikan. Kesimpulannya, kepimpinan KPPIM amat komited bagi memastikan setiap proses PDCA dibuat dengan sistematik, dinamik dan responsif.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

KPPIM berhasrat melahirkan graduan yang mempunyai **kelestarian diri (self-sustained)** dari segi intelek, jasmani, rohani, emosi, dan sosial. Oleh itu Pengurusan Kanan telah merangka beberapa **perancangan** dengan memformulasikan Pelan Tindakan Strategik (PTS) yang dibangunkan berdasarkan Pelan Strategik 2025 KPPIM dan Misi dan Visi UiTM.

Semasa perancangan PTS, kekuatan, kekurangan, peluang dan ancaman telah dinilai dan risiko tidak mencapai sasaran telah dikenalpasti. Bermula dengan penetapan inisiatif, tagline **Iconic and Impactful**, objektif strategik dan **Model Mahasiswa KPPIM** bertemakan "Sought After and Self Sustained" telah berjaya dibentuk. Input dan keterlibatan dari semua peringkat diutamakan untuk perancangan yang lebih teliti bagi memastikan hasrat dapat dicapai.

KPPIM **melaksanakan** hebahan strategi dan matlamat melalui pelbagai platform termasuk mesyuarat, laman sesawang, media sosial, dan *town hall*. Pemetaan projek dengan elemen model mahasiswa dan elemen Industri 4.0 dilakukan. Projek dijalankan melalui kerjasama antara Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP), Pejabat Hal Ehwal Akademik (HEA) dan Pejabat ICAN. Mendapat sokongan teknologi seperti *virtual machine*, pelayan awan dan Sistem Latihan Industri (SLI). Terdapat 27 kelab/persatuan yang berdaftar bagi menyediakan ruang kepada pelajar mengembangkan minat, kemahiran, dan kepimpinan. Kerjasama dengan pemain industri terkemuka telah memberi impak positif yang signifikan, termasuk pendedahan yang lebih luas kepada pelajar serta peluang untuk terlibat dalam program mobiliti, pensijilan, latihan, dan aktiviti keusahawanan. Ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran pelajar di peringkat global tetapi juga memberi mereka pengalaman langsung yang relevan dengan industri semasa.

Pemantauan terhadap bidang tumpuan telah dilaksanakan dengan sistematik melalui pelaporan, mesyuarat secara berkala, mesyuarat khas jika berkeperluan dan *town hall*. Mesyuarat Eksekutif menyediakan agenda khas bagi tujuan pelaporan kemajuan PI bagi setiap suku tahun bagi melihat pencapaian bidang tumpuan selari dengan sasaran. Aplikasi Skor Simulator digunakan sebagai platform untuk memantau kemajuan semasa PI. Dekan HEP telah mengambil langkah proaktif dengan membuka beberapa saluran aduan lain seperti talian telefon, sistem pesanan ringkas bagi menerima aduan dari pelajar dan staf. Pemantauan **pembelajaran berdasarkan pengalaman** menggunakan Model Winner's Journey WTEC dan pencapaian akademik menggunakan Polisi Pentaksiran & Penilaian Akademik UiTM. Prestasi pentadbir akademik dipantau melalui anugerah bulanan *Star of the Month*. Pemantauan kualiti penganjuran program pelajar melalui borang soalselidik hasil program. Pemantauan secara umum berkenaan dengan perkhidmatan infrastruktur dan infostruktur KPPIM dibuat melalui borang aduan elektronik dan Aduan KPPIM. Aktiviti audit seperti Audit Dalam, Audit Luar dan Semakan Program Akademik telah berlaku bagi memantau tahap kepuasan pelajar berkaitan bertujuan pengekalan standard dan pengukuhan kualiti bagi memenuhi permintaan semasa dan pada masa hadapan.

Amalan budaya **penambahbaikan berterusan** dibincangkan melalui mesyuarat seperti Mesyuarat Eksekutif, Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Aktiviti Pelajar (JPAP) dan Mesyuarat Akademik Kolej (JAKP). Arahan tindakan pembedahan dan penambahbaikan dibuat terus kepada pegawai bertanggungjawab melalui arahan tindakan menunjukkan pendekatan yang reaktif dan responsif KPPIM. Hasil pemantauan dilaporkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Aktiviti audit berlaku bertujuan pengekalan standard dan pengukuhan kualiti bagi memenuhi keperluan BT. Bengkel, seminar, penganjuran pertandingan, program mobiliti di peringkat nasional dan antarabangsa dan aktiviti libat sama industri telah membantu membuat penambahbaikan. Kesimpulannya, kepimpinan KPPIM amat komited bagi memastikan setiap proses PDCA dibuat dengan sistematik, dinamik

dan responsif.

SENARAI BUKTI:

1. [A1722_K01_KB02_20241_KPPIM Lampiran Kepimpinan_1.2.1.pdf](#)
2. [A1722_K01_KB02_20242_KPPIM Lampiran Kepimpinan_1.2.2.pdf](#)
3. [A1722_K01_KB02_20243_KPPIM Lampiran Kepimpinan_1.2.3.pdf](#)
4. [A1722_K01_KB02_20244_KPPIM Lampiran Kepimpinan_1.2.4.pdf](#)
5. [A1722_K01_KB02_20245_KPPIM Lampiran Kepimpinan_1.2.5.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Maklumat strategi, halatuju dan matlamat KPPIM disampaikan dengan jelas kepada warga KPPIM melalui Mesyuarat Kolej, Mesyuarat JEK, Mesyuarat JPAP, dan MKSP. Selain itu, Pelan Strategik KPPIM 2025 disebar luas melalui laman sesawang KPPIM, bengkel, dan poster. Dua(2) *town hall* dilaksanakan bagi menjelaskan hala tuju bidang pengajian. Manakala laman web HEP, UiTM NewsHub, Instagram, facebook, telegram, Tik Tok dan email digunakan untuk **hebahan projek-projek, maklumat kelab/persatuan, pencapaian pelajar/staf** kepada alumni dan komuniti luar UiTM. Berita yang **diterbitkan** oleh **media luar** antara pencapaian terbaik HEP dalam menyebarkan maklumat kepada pihak luar (KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.3.1)

Pemetaan projek 1000Kejayaan&KPPIM Wall of Fame, Mobiliti Pelajar, Kongsi Rezeki, Malaysia Data Innovation Talent x DOSM Datathon (MDITxDD2023), 2P(Prihatin dan Peka) serta 1Pelajar 1Sijil Profesional(1P1S) dengan elemen model mahasiswa dan elemen Industri 4.0 dilaksanakan. Kertas cadangan projek dinilai dan diteliti objektif penganjurannya semasa mesyuarat JEK, Pra-JPAP dan JPAP. Lantikan Penasihat Kelab, Penyelaras Pensijilan, Koordinator Bidang dan Koordinator Antarabangsa dibuat bagi membantu melaksanakan projek-projek tersebut. Kerjasama antara Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Pejabat Hal Ehwal Akademik (HEA) untuk **melaksanakan** aktiviti bagi pembangunan akademik, kepimpinan, kesejahteraan dan kebajikan pelajar. Aktiviti pelajar bersama industri/agensi luar, alumni dan komuniti setempat dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat HEP dan Pejabat ICAN. Kerjasama ini telah melonjak pencapaian **HEP melebihi 100% bagi PI 027, PI028, PI032, PI036 dan PI037 pada 2023** (KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.3.2).

Penggunaan drop-box telah memudahkan penghantaran dokumen bercetak. **Virtual machine** yang digunakan bagi tujuan pengajaran, pembelajaran dan pensijilan pelajar ditempatkan di **Pelayan Awan** membantu capaian tanpa gangguan dari pelbagai lokasi. **Proses kerja** disokong oleh prosedur operasi dan pengurusan, **sistem e-Mesyuarat, Sistem Latihan Industri(SLI)** dan aplikasi **Simulator Skor** yang telah mengurangkan pembaziran masa dan kesilapan. Platform komunikasi email, chat, *video conferencing* dan forum telah menjanjikan komunikasi yang lancar dengan pelajar. Inisiatif drop-box ini telah mendapat pengiktirafan peringkat KPPIM dan didaftarkan sebagai projek OE manakala SLI mendapat penarafan emas semasa Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreativiti, Peringkat Zon Tengah, 2023. KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.3.3)

KPPIM memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk mencapai kejayaan mengikut minat dan kecenderungan melalui **pembelajaran berdasarkan pengalaman**. Terdapat 27 kelab/persatuan pelajar ditawarkan dengan seorang Penasihat Kelab/Persatuan dilantik bagi membantu persatuan merancang halatuju dan memastikan setiap aktiviti yang dijalankan selaras dengan matlamat KPPIM dan UiTM. Usaha pihak pengurusan bagi membantu pelajar dilaksanakan melalui **khidmat kepimpinan yang berkesan**. Pengiktirafan Dekan HEP bagi penerima pelbagai anugerah peringkat UiTM: **Anugerah pencapaian 100% PI; Anugerah Inspirasi Kecemerlangan HEP dan Anugerah Inspirasi Kepimpinan Bestari** sempena **AAU UiTM** adalah bukti **keberkesanan pelaksanaan** tersebut. Hasil kajian Happiness Index 5.0, KPPIM mendapat skor yang tinggi bagi tahap **sokongan kepimpinan untuk mendorong ahli kakitangan mereka untuk melakukan kerja kreatif dan tahap kepercayaan pimpinan kepada kakitangan mereka** (KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.3.4)

Ketampakkan global dan libatsama pemegang taruh dalam menjalankan inisiatif diutamakan. **Penarafan Premier Digital Tech Institution (PDTI)** di peringkat kebangsaan membuka peluang yang luas mengadakan **kerjasama dengan pelanggan luaran**. Tindakan mengadakan MoU/MoA dengan **main industri** seperti Microsoft, SAS, Cisco, Huawei, Google, Ericsson dan **badan kerajaan telah memberi impak positif kepada pelajar**. Antaranya KPPIM telah memperolehi geran pensijilan berjumlah RM900,000 dan peningkatan program mobiliti *inbound/outbound* dengan **universiti ternama dunia**

(KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [A1722_K01_KB03_20241_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.3.1.pdf](#)
2. [A1722_K01_KB03_20242_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.3.2.pdf](#)
3. [A1722_K01_KB03_20243_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.3.3.pdf](#)
4. [A1722_K01_KB03_20244_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.3.4.pdf](#)
5. [A1722_K01_KB03_20245_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan pencapaian PI yang **berstruktur** dijadikan penekanan. Komunikasi berlaku secara **konsisten dan berkala** untuk memastikan proses BT dipantau dalam mencapai matlamat prestasi. Terdapat agenda khas Mesyuarat JEK untuk Dekan HEP membentangkan prestasi semasa PI HEP dan melaporkan tindakan susulan jika masalah timbul semasa melaksanakan inisiatif yang telah dirancang. Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) yang dilaksanakan setiap 6 bulan pula memberi agenda kepada Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) membentangkan pencapaian PI HEP melaporkan permasalahan jika sasaran tidak tercapai seperti yang diharapkan. (KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.1.1).

Perancangan Strategik (PS) KPPIM bersifat **dinamik**. Bengkel Perancangan Strategik KPPIM 2022 dilaksanakan bagi melihat tiga(3) tahun halatuju KPPIM. Bengkel Pensejajaran Perancangan Strategik dilaksanakan bagi **menyemak semula** perancangan strategik HEP. Tujuan semakan semula ini adalah untuk mendapatkan pandangan baharu tentang perancangan strategik dan menilai semula dan memastikan inisiatif perancangan strategik disesuaikan dengan teras strategik. Penambahbaikan dilakukan dengan segera dengan mencadangkan projek tambahan bagi membantu mencapai inisiatif-inisiatif tersebut (KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.1.2)

Pemantauan prestasi pelajar pula menggunakan model **Winner's Journey WTEC** dimana pencapaian dibentangkan dalam mesyuarat. Pelaporan aktiviti dan PI HEP dibuat melalui sistem **SmartHEP** dan pelaporan pencapaian keseluruhan petunjuk prestasi KPPIM pula dilaporkan di dalam sistem **UePMO**. Pelaporan **prestasi semasa** dibuat menggunakan aplikasi **Simulator Skor** dan peringatan secara konsisten melalui **aplikasi pesanan ringkas** dan tindakan pembetulan dan penambahbaikan dibincangkan dalam Mesyuarat JEK dan Mesyuarat Khas. (KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.1.3)

Pemantauan juga berlaku di **pelbagai peringkat**. **Saluran aduan** iaitu Aduan fasiliti, Aduan ICT dan Aduan KPPIM disediakan sebagai platform bagi pelajar/staf menyuarakan masalah, ketidakpuasan hati, atau isu-isu yang dihadapi. Pihak pengurusan melantik moderator aduan bagi menerima maklum balas dan menyalurkan kepada pegawai bertanggungjawab untuk tindakan. Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Sekretariat Mahasiswa Fakulti (SMF) sebagai ahli turut hadir dalam mesyuarat JPAP bagi mewakili suara pelajar dan menyampaikan hasrat pengurusan KPPIM kembali kepada pelajar. Maklumbalas penambahbaikan juga berlaku semasa Audit Dalam, Audit Luar, semakan kurikulum dan maklumbalas selepas aktiviti/program (KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.1.4)

Maklumbalas isu berkaitan pengoperasian dan pengurusan kolej dilakukan dalam Mesyuarat Kolej. Dua(2) sesi *townhall* dilakukan bagi mendengar dan mencari penyelesaian kepada isu halatuju bidang-bidang pengajian di KPPIM. **Prestasi pentadbir akademik** dipantau oleh Jawatankuasa Eksekutif Kolej melalui penganugerah **Star of the Month** yang dibuat setiap bulan (KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.1.5).

SENARAI BUKTI:

1. [A1722_K01_KB04_KC01_20241_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.1.1.pdf](#)
2. [A1722_K01_KB04_KC01_20242_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.1.2.pdf](#)
3. [A1722_K01_KB04_KC01_20243_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.1.3.pdf](#)
4. [A1722_K01_KB04_KC01_20244_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.1.4.pdf](#)
5. [A1722_K01_KB04_KC01_20245_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.1.5.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Kanan KPPIM mewujudkan **Jawatankuasa Pemilik Risiko(JPR)** KPPIM yang bertindak untuk mengendalikan risiko dan ancaman. Pengurusan berpandukan **Standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015** dan **Prosedur Pengurusan Risiko KPPIM (PK.UiTM.KPPIM.01)**. Pengurusan Risiko di KPPIM melibatkan **satu proses menyeluruh** yang merangkumi semua peringkat termasuk mengenalpasti sebarang insiden, mencadangkan aktiviti-aktiviti pengurusan risiko dan tindakan kawalan. JPR ini bertanggungjawab dalam penyediaan daftar risiko, pengawasan aktiviti pengurusan risiko, dan pemantauan langkah-langkah mitigasi yang dijalankan. Risiko dinilai semula setiap 4 bulan bagi memastikan maklumat risiko masih relevan. Penilaian ini dibuat melalui Mesyuarat JPR yang dijalankan secara berkala. (KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.2.1)

Pengurusan Kanan KPPIM memastikan **keberhasilan BT dan pencapaian objektif universiti diurus dengan sempurna**. Bengkel pelan tindakan strategik dibuat untuk menilai semula risiko inisiatif perancangan strategik terutama yang berkaitan BT. Setiap usaha yang dicadangkan dalam risiko strategik dibincang dan dikaji secara terperinci sebelum dilaksanakan iaitu merangkumi penetapan risiko, tahap risiko dan strategi untuk mengurangkan risiko (KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.2.2)

Setiap inisiatif dinilai berdasarkan **impaknya** kepada KPPIM dan UiTM. Komponen yang dikenalpasti adalah risiko **strategi, operasi, kewangan, reputasi, projek** dan **perundangan**. Penilaian risiko bermula dengan perancangan inisiatif strategi dan berakhir dengan penyediaan kertas kerja kelulusan program, aktiviti/projek. Perbincangan risiko ini dibuat secara berkala dan teliti di peringkat KPPIM dan risiko yang kritikal akan didaftarkan ke dalam sistem eRMS UiTM. Projek yang berjaya dilaksanakan dan dapat mengatasi risiko sedia ada akan dilaporkan tahap perubahan risiko dan diistiharkan selesai. (KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.2.3)

Setiap kategori risiko di KPPIM dinilai dan diklasifikasikan mengikut **Tahap Rendah, Sederhana, Tinggi dan Kritikal**. Untuk risiko tahap rendah dan sederhana prosedur kawalan dalaman digunakan melalui prosedur kerja yang sedia ada. Langkah mitigasi dilaksanakan secara menyeluruh di semua peringkat bagi risiko tahap tinggi dan kritikal, termasuk di peringkat pengurusan atasan UiTM yang memerlukan pelaksanaan dasar untuk menangani risiko tersebut. (KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.2.4)

KPPIM utamakan pengurusan risiko yang selari dengan pejabat-pejabat lain bagi **mengoptimumkan penggunaan operasi sedia ada**. Libatsama Unit OSHA bagi mencadangkan projek bagi menangani risiko keselamatan dan Unit Perkhidmatan OKU UiTM bagi menangani risiko dan kesukaran fasiliti di kawasan pembelajaran pelajar/staf OKU telah menunjukkan penambahbaikan beberapa ruang bagi keperluan pelajar/staf OKU (KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.2.5).

SENARAI BUKTI :

1. [A1722_K01_KB04_KC02_20241_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.2.1.pdf](#)
2. [A1722_K01_KB04_KC02_20242_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.2.2.pdf](#)
3. [A1722_K01_KB04_KC02_20243_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.2.3.pdf](#)
4. [A1722_K01_KB04_KC02_20244_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.2.4.pdf](#)
5. [A1722_K01_KB04_KC02_20245_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.2.5.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Inisiatif diperingkat masing-masing **disemak semula** dalam bengkel **pensejajaran perancangan strategi dan bengkel pelan tindakan strategi yang diadakan pada awal tahun setiap tahun**. Bengkel ini membincangkan Analisa *SWOT* pencapaian KPPIM secara menyeluruh melibatkan semua pejabat dan unit; HEA, HEP, Pejabat Pentadbiran, P&I, ICAN dan *Business Development Unit (BDU)*, Unit Korporat, Unit Kualiti. Analisis *SWOT* tahun 2023, beberapa strategi telah diubahsuai dan inisiatif telah diperkemas bagi mencapai teras strategik BT agar selaras dengan Amanat Naib Canselor 2023 dengan tema **Kebolehpasaran Global** bagi mencapai hasil BT (KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.3.1).

PNC telah **menetapkan aras pencapaian** untuk setiap sukuan iaitu sebelum pencapaian PI dimajukan dan dianalisa oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Dekan-dekan bertanggungjawab untuk memastikan PI dicapai dan membentangkan pencapaian prestasi masing-masing bagi mengenalpasti punca tidak mencapai PI. PNC terlibat secara langsung semasa perbincangan bersama ketua-ketua projek dan tindakan segera diambil oleh pejabat yang berkaitan. Data pencapaian **dikumpul, dianalisa dan dibentang** di peringkat pejabat masing-masing dan diserahkan kepada Penyelaras PSTU KPPIM. Hasil analisa semua input dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Kolej(JEK) dan MKSP (KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.3.2). Sebarang cadangan penambahbaikan dan implikasi kewangan yang berkaitan dibawa masuk ke Mesyuarat JEK untuk mendapat kelulusan. Hasil tindakan yang berkesan dan boleh dijadikan panduan untuk dijadikan dasar dibincangkan di MKSP.

KPPIM menubuhkan beberapa **jawatankuasa** dalam membantu proses pemantauan kualiti penyampaian perkhidmatan dalam membantu keberhasilan BT melalui J/K Audit Dalam dan J/K Propens. Jawatankuasa ini berfungsi sebagai **sumber rujukan** untuk memberi input kepada tindakan penambahbaikan berterusan berkaitan BT. (KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.3.3).

Penglibatan dari pemegang taruh dari **peringkat nasional dan antarabangsa menjadi keutamaan semasa pemilihan panel penilai. Lantikan akademia** ditetapkan dari kalangan tokoh tersohor dan **penilai industri** dari pemain industri terkemuka. Data maklumbalas dari industri dikumpul dan dianalisa setiap semester oleh Penyelaras Latihan Industri. Maklumbalas dari panel industri dianalisa oleh Jawatankuasa Semakan Kurikulum. Hasil analisa dibentangkan kepada J/K Akademik Kolej Pengajian (JAKP) bagi melihat tahap pencapaian. (KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.3.4)

MoU bersama universiti terkemuka dunia telah menyediakan peluang mobiliti secara *inbound* dan *outbound*, aktiviti kesukarelawanan, latihan, pensijilan, keusahawanan telah meningkatkan **Kebolehpasaran Global** pelajar. Data Kebolehpasaran Pelajar (GE) yang diperolehi dari KPT di analisa dan dibentangkan oleh Dekan ICAN dan dilaporkan pencapaian Objektif Kualiti KPPIM di dalam MKSP. (KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.4.3.5)

SENARAI BUKTI :

1. [A1722_K01_KB04_KC03_20241_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.3.1.pdf](#)
2. [A1722_K01_KB04_KC03_20242_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.3.2.pdf](#)
3. [A1722_K01_KB04_KC03_20243_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.3.3.pdf](#)
4. [A1722_K01_KB04_KC03_20244_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.3.4.pdf](#)
5. [A1722_K01_KB04_KC03_20245_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.3.5.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Komunikasi berkesan dikalangan warga dititikberatkan oleh Kepimpinan KPPIM untuk memastikan objektif dan inisiatif strategi tercapai. Pemakluman strategi dilakukan secara **meluas** melalui mesyuarat bersama warga KPPIM dan mesyuarat peringkat bahagian bagi membolehkan setiap warga mengenal pasti peranan dan komitmen mereka dalam mencapai matlamat strategi (KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.5.1)

Unit Kualiti dan Strategi bertanggungjawab menyampaikan kepada peringkat pelaksanaan. Unit ini memaklumkan kepada ketua-ketua pejabat/unit tentang teras strategi, objektif strategi dan inisiatif strategi yang dipertanggungjawabkan. Kepimpinan KPPIM juga memastikan semua lapisan warga menghayati perancangan strategi untuk mendapat komitmen mereka dalam menjayakan inisiatif. Perancangan strategi untuk melaksanakan inisiatif dilaksanakan oleh ketua-ketua pejabat melalui beberapa mesyuarat peringkat pejabat/unit. Manual Kualiti KPPIM diwujudkan untuk rujukan warga KPPIM dan sentiasa dikemaskini (KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.5.2)

Kepimpinan KPPIM secara **aktif dan inovatif memantau pencapaian inisiatif strategi.** Ini membolehkan inisiatif BT dijalankan seperti yang dirancang. Semua ketua projek diminta melaporkan petunjuk prestasi melalui **aplikasi Simulasi Skor** yang dibangunkan oleh KPPIM. Aplikasi ini menganalisa skor pencapaian dan memaparkan secara **real-time dan boleh dicapai oleh pengguna yang didaftarkan oleh PSTU.** Ini membolehkan PNC dan ketua-ketua memantau prestasi **anytime and anywhere.** Tindakan segera akan diambil bagi inisiatif yang tidak mencapai sasaran bagi mendapatkan penjelasan dari pegawai yang bertanggungjawab tentang kekurangan dan menetapkan langkah awal untuk pembetulan dan penambahbaikan. Setiap sukuan tahun Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) akan membentangkan kepada Pengurusan Kanan KPPIM dalam mesyuarat Eksekutif Kolej bagi mengekang masalah tidak berterusan dan menetapkan tindakan selanjutnya. (KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.5.3)

KPPIM menggunakan pendekatan inovatif dalam mencapai BT. Tahun 2023, model mahasiswa **Sought After and Self Sustained Talent** diperkenalkan. Strategi merealisasikan kecemerlangan pelajar dalam semua aspek diadaptasi dari **Model Winner's Journey WTEC iaitu W (Wonderer), T (Tourist), E (Explorer) dan C (Conqueror)** bagi **membudayakan ciri-ciri** Peka, Prihatin, Kepimpinan dan Kesukarelawanan. **Projek Kongsi Rezeki, Tabung Alumni Prihatin RM5 dan Wall of Fame** adalah platform yang berfungsi bagi membudayakan nilai murni, solidariti, dan penghargaan di kalangan pelajar dan staf. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan untuk memupuk semangat kebersamaan, menyokong mereka yang memerlukan, dan memberi pengiktirafan kepada pencapaian cemerlang, sekaligus membentuk budaya positif yang menyokong pembangunan holistik warga KPPIM. Projek ini selaras dengan hala tuju KPPIM yang mengambil berat tentang kepentingan pelajar melalui pengurusan dan pembangunan pelajar yang berkesan. (KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.5.4)

Peluncuran siri anugerah **Star of the Month** bermula dari tahun 2022 sehingga kini oleh PNC adalah untuk menyokong pencapaian PI. Penganugerahan secara bulanan melibatkan siri penganugerahan bagi kategori staf pentadbiran, pentadbir akademik dan staf akademik. **Penganugerah Apresiasi KPPIM** dan Anugerah Khidmat Cemerlang juga mengambil kira sumbangan staf terhadap pencapaian PI. Budaya ini menjadi batu lonjakan kecekapan dalam pengurusan dan kepimpinan pelajar. (KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.5.5)

KPPIM pengekalan **penarafan** di peringkat nasional "*Premier Digital Tech Institute*" (PDTI) sehingga 2025 dimana berjaya membudayakan pensijilan dikalangan pelajar dalam meneroka bidang baharu kritikal seperti Analisis Data, Kepintaran Buatan (AI), Robotik, dan Pemasaran Digital. Inisiatif yang dibangunkan kementerian dengan kerjasama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) telah menyediakan ekosistem optimum bagi menyediakan graduan menepati standard terkini industri. Laporan Kajian Pengesanan Graduan SKPG 2023 menunjukkan **peningkatan skor** GE dalam tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya.

(KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.5.5).

SENARAI BUKTI :

1. [A1722_K01_KB05_20241_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.5.1.pdf](#)
2. [A1722_K01_KB05_20242_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.5.2.pdf](#)
3. [A1722_K01_KB05_20243_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.5.3.pdf](#)
4. [A1722_K01_KB05_20244_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.5.4.pdf](#)
5. [A1722_K01_KB05_20245_KPPIM_Lampiran_Kepimpinan_1.5.5.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan Strategik merupakan salah satu kaedah utama yang digunakan oleh KPPIM untuk mencapai objektif dan inisiatif yang dirancang oleh UiTM. Petunjuk prestasi yang diturunkan kepada KPPIM melalui Bahagian Transformasi Universiti (BTU) dipetakan kepada Sustainable Development Goals (SDG), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi), Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030 dan Teras Strategik Utama Malaysia Madani agar pencapaian KPPIM menjadi lebih bermakna, seiring dengan kehendak universiti, serta sejajar dengan keperluan negara global.

KPPIM mengambil **pendekatan** proaktif mengatur strategi bagi merealisasikan UiTM2025 dengan merangka **Pelan Strategik KPPIM 2025** bertemakan **Iconic and Impactful**. Antara lain, pelan ini turut merangkumi bidang tumpuan untuk AKNC tahun 2023, iaitu Pengurusan dan Pembangunan Pelajar. KPPIM telah menubuhkan Jawatankuasa Perancangan Strategik (JKPS) yang terlibat dalam perancangan, pelaksanaan, dan pemantauan dalam setiap bidang tumpuan. Pendekatan KPPIM dengan tertubuhnya JKPS ini adalah dengan membentuk tiga belas (13) inisiatif dan diperincikan dengan objektif serta dipetakan kepada **Inisiatif Utama UiTM2025**. Dua (2) inisiatif yang dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Hal Ehwal Akademik (HEA), tiga (3) dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP), tiga (3) dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Penyelidikan dan Inovasi (P&I), tiga (3) dipertanggungjawabkan kepada Pejabat ICAN dan dua (2) dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Pentadbiran KPPIM. Kesemua inisiatif ini diterajui oleh staf berpengalaman, manakala ahli projeknya pula terdiri daripada pelbagai peringkat staf akademik dan pentadbiran.

Kaedah **pelaksanaan** adalah dengan menggunakan pendekatan top-down approach dimana petunjuk prestasi disalurkan oleh BTU kepada KPPIM. Terdapat **10 sasaran PI** yang perlu dicapai. Antara inisiatif yang dilaksanakan dalam bidang tumpuan di bawah Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) adalah **INTRIME, SULAM** dan **PRIMETEER**. Dari inisiatif tersebut enam (6) projek iaitu 1000Kejayaan & KPPIM Wall of Fame, Mobiliti Pelajar, Kongsi Rezeki, Malaysia Data Innovation Talent x DOSM Datathon (MDITxDD2023), 2P (Prihatin dan Peka) serta 1Pelajar 1Sijil Profesional(1P1S) dilaksanakan bagi mencapai 10 sasaran PI.

Pemantauan bagi pelaksanaan setiap inisiatif dijalankan secara berkala setiap bulan. Kitaran pemantauan bermula dengan pengumpulan maklumat melalui beberapa sistem maklumat termasuk SmartHEP. Seterusnya, pelaporan terperinci dihantar ke BTU melalui sistem atas talian UePMO dan UiSMS dikemaskini juga di dalam pangkalan data JKPS. Dalam masa yang sama, pembentangan pencapaian bulanan dijalankan di dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Kolej (JEK) dan seterusnya tindakan penambahbaikan dijalankan di setiap bahagian yang bertanggungjawab. Kitaran ini berulang setiap bulan sehingga hujung tahun 2023.

Penglibatan dan maklumbalas dari setiap warga KPPIM yang terdiri daripada kakitangan dan pelajar memungkinkan kejayaan dan **tindakan penambahbaikan** pelaksanaan aktiviti-aktiviti dari projek-projek yang telah dirancang. KPPIM menyediakan pelbagai platform atas talian bagi menghebahkan aktiviti yang telah dirancang dengan tujuan mendapatkan maklumbalas dan penambahbaikan seperti InstagramKPPIM, AduanICT, AduanFasiliti, Laman Web KPPIM, UiTMNews Hub, KPPIM Strategic Sites.

Pencapaian sasaran KPPIM pada tahun 2023 amat membanggakan dalam mana KPPIM berjaya mencapai ENAM BINTANG dengan skor i-UiTM sebanyak 93.7%. Ketiga-tiga buah projek dalam bidang tumpuan berjaya mencapai 100% sasaran yang telah ditetapkan. Secara keseluruhannya, KPPIM berjaya berada di ranking ke-5 dalam kalangan semua fakulti & kolej di UiTM. Anugerah-anugerah lain adalah Transformasi Kecemerlangan dan Anugerah Penjana Pendapatan.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan KPPIM dalam **menyokong** Pelan Perancangan Strategik yang bertemakan **Iconic and Impactful** telah berjaya memperkenalkan KPPIM di mata dunia sejajar dengan mencapai matlamat Universiti Terkemuka Dunia 2025.

Asas pembentukan Pelan Strategik KPPIM 2023 adalah berdasarkan Pelan Strategik UiTM 2025 (GRU2025) yang telah dilancarkan pada tahun 2020. Untuk penyediaan Pelan Perancangan Strategik ini, beberapa proses berikut telah dilaksanakan:

1. Perbincangan Pengurusan Eksekutif Kolej
2. Penubuhan Jawatankuasa Perancangan Strategik Kolej
3. Penganjuran beberapa siri bengkel strategik meliputi:
 - Analisis keadaan semasa serta pencapaian tahun sebelum.
 - Pembentukan projek-projek strategik dan penyediaan dokumen berdasarkan 3 teras strategik dalam Pelan Strategik UiTM2025 (Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global & Prestasi Berorientasikan Nilai).
 - Mengenalpasti risiko yang bakal dihadapi oleh setiap projek

Untuk menghasilkan Pelan Perancangan Strategik KPPIM 2023, beberapa siri perbincangan telah diadakan seperti berikut:

1. Pra Bengkel Strategi Lonjakan 2023, KPPIM: 8 Disember 2022 (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.2.1)
2. Bengkel Strategi Lonjakan, KPPIM: 15-17 Disember 2022 (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.2.2)
3. Bengkel Strategic Action Plan (SAP): Perincian Bersama Project Manager Dan Project Leader: 20 Mac 2023 (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.2.3)

Peserta yang terlibat dalam menghasilkan Perancangan Strategik KPPIM terdiri daripada ahli Pengurusan Kanan Kolej, semua Ketua Pusat Pengajian, seorang Profesor Kolej, dan juga beberapa orang pensyarah kanan dan pensyarah baharu. Ini menunjukkan bahawa perancangan strategik telah mengambil kira penglibatan dan maklum balas daripada staf pelbagai peringkat di kolej iaitu pihak pengurusan, staf akademik dan staf pentadbiran.

Selaras dengan pembentukan Pelan Perancangan Strategik 2023, KPPIM telah **menubuhkan Jawatankuasa Perancangan Strategik** dengan tujuan memastikan pelan strategik yang dirancang dapat dijalankan dengan sistematik dan teratur. Jawatankuasa ini dinaungi oleh PNC dan Pengurusan Kanan, diketuai oleh Penyelaras Strategik & Transformasi Universiti (PSTU) dan dibantu oleh dua orang setiausaha. Ahli Jawatankuasa pula terdiri daripada pengurus projek yang bertanggungjawab membantu menyediakan Pelan Tindakan Strategik bagi melaksanakan objektif dan inisiatif strategik KPPIM.

Terdapat tiga (3) inisiatif utama yang dipertanggungjawabkan kepada HEP melalui SAP 2023 iaitu, iNTPRIME, SULAM dan PRIMETEER yang merangkumi enam (6) projek utama KPPIM melalui HEP iaitu 1000 Kejayaan & KPPIM Wall of Fame, Mobiliti Pelajar, Kongsi Rezeki, Malaysia Data Innovation Talent x DOSM Datathon (MDIT x DD 2023), 2P (Prihatin dan Peka) serta pensijilan pelajar. Pengukuran bidang tumpuan di KPPIM adalah berdasarkan:

- a) Perancangan Strategik KPPIM bagi tahun 2023 (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.2.4).
- b) Perbandingan PI dalam Bidang Tumpuan pada tahun 2021, 2022 dan 2023 (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.2.5).

SENARAI BUKTI:

1. [A1722_P01_PB02_20241_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.2.1.pdf](#)

2. [A1722_P01_PB02_20242_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.2.2.pdf](#)
3. [A1722_P01_PB02_20243_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.2.3.pdf](#)
4. [A1722_P01_PB02_20244_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.2.4.pdf](#)
5. [A1722_P01_PB02_20245_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.2.5.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Umumnya, kesemua projek yang dibangunkan untuk **meningkatkan keterlihatan (*visibility*) KPPIM** di mata dunia, yang mana UiTM bertindak sebagai penggerak melalui jaringan kolaborasi antarabangsa yang strategik dan praktikal.

Secara khususnya, 3 inisiatif yang dipertanggungjawab kepada Pejabat Hal Ehwal Pelajar (bidang tumpuan) telah dikenal pasti dalam **menggerakkan** bidang tumpuan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar iaitu inisiatif iNTPRIME, SULAM dan PRIMETEER. Bersama inisiatif-inisiatif ini terdapat enam (6) projek utama KPPIM melalui HEP iaitu 1000 Kejayaan & KPPIM Wall of Fame, Mobiliti Pelajar, Kongsi Rezeki, Malaysia Data Innovation Talent x DOSM Datathon (MDIT x DD 2023), 2P (Prihatin dan Peka) serta 1Pelajar 1Sijil Profesional(1P1S) yang mensasarkan **10 sasaran PI** yang perlu dicapai oleh KPPIM yang ditentukan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU).

a) Perancangan Strategik KPPIM bagi tahun 2023 (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.3.1).

Terdapat Pengurus Projek yang dilantik bagi memantau dan melaksanakan projek dan aktiviti yang dibangunkan di dalam *Strategic Action Plan*. Bagi projek di bawah Pejabat HEP, terdapat seorang (1) Pengarah Projek dan tiga (3) orang Pengurus Projek.

Setiap maklumat projek di bawah bidang tumpuan telah didaftarkan di dalam sistem UiSMS. Sistem UiSMS merupakan sistem pengurusan data pencapaian yang mana dapat diakses oleh ketua PTJ iaitu Penolong Naib Canselor (PNC), Pengarah Projek, Pengurus Projek dan Penyelaras Strategi Tranformasi Universiti (PSTU). PNC akan dapat melihat kemajuan setiap projek dan aktiviti, Pengarah dan Pengurus Projek dapat mengemaskini kemajuan projek dan aktiviti yang ditugaskan. Dengan adanya sistem UiSMS, ia menjadi alat pemantauan oleh PSTU dan BTU sendiri.

b) UiTM Strategic Management System (UiSMS) (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.3.2).

Proses penyampaian, perkongsian dan pelaksanaan Perancangan Strategik di kalangan warga KPPIM terutama bidang tumpuan dibuat secara **teratur dan efisien**. Laporan pencapaian disampaikan melalui Mesyuarat KPPIM dan Sambutan Sempena 1 Tahun Penubuhan KPPIM (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.3.3) dan seterusnya warga KPPIM dapat merujuk maklumat berkaitan Strategic Action Plan dan pencapaian PI melalui laman web KPPIM Strategic Site 2023 (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.3.4).

Pemantauan program / aktiviti bidang tumpuan dilaksanakan menggunakan Dashboard BTU (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [A1722_P01_PB03_20241_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.3.1.pdf](#)
2. [A1722_P01_PB03_20242_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.3.2.pdf](#)
3. [A1722_P01_PB03_20243_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.3.3.pdf](#)
4. [A1722_P01_PB03_20244_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.3.4.pdf](#)
5. [A1722_P01_PB03_20245_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Secara umumnya, KPPIM menjalankan sistem **pemantauan mengikut garis masa** yang ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) seperti yang ditunjukkan dalam carta alir (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.1.1). Secara khususnya, KPPIM mempunyai pelan pemantauan yang dijalankan secara **sistematik**, dengan kerjasama pengurusan eksekutif Kolej, Penyelaras Strategik & Transformasi Universiti (PSTU) dan juga Ahli Jawatankuasa Perancangan Strategik (JKPS). Proses pemantauan yang dilaksanakan secara bulanan di KPPIM berlangsung seperti berikut:

1. Kemaskini data di dalam Simulator KPPIM

Pada setiap hujung bulan, pengurus projek melaporkan kesemua aktiviti yang telah dilaksanakan pada bulan tersebut kepada JKPS melalui Simulator KPPIM menggunakan Google Sheet (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.1.2). Laporan yang dikumpul meliputi maklumat pencapaian PI semasa pada bulan tersebut. Ini bagi memastikan PSTU dapat membuat simulasi pencapaian semasa sebelum data pencapaian sebenar dikeluarkan oleh BTU. Melalui data simulasi ini, jangkaan pencapaian dapat dibuat. Selepas laporan pencapaian diterbitkan oleh BTU, perbandingan data antara simulator dan data sebenar dapat dibuat.

2. Pelaporan ke BTU

Kesemua pencapaian PI pada bulan tersebut dilaporkan oleh ketua-ketua projek ke dalam sistem-sistem mengikut Peneraju. Contohnya data HEP akan dimasukkan ke dalam SmartHEP bagi memastikan semua maklumat dan data tersebut dapat disemak oleh Peneraju.

Pemilik sasaran menjalankan semakan kepada semua data yang dilaporkan. Sekiranya terdapat maklumat yang tidak tepat, PSTU bertanggungjawab menjalankan verifikasi bersama pengurus projek.

Pencapaian bulanan yang telah disemak akan disahkan oleh PNC KPPIM sebelum dimasukkan semula ke dalam sistem UePMO (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.1.3).

Analisa pencapaian bulanan dapat dilihat melalui Dashboard PowerBI yang disediakan oleh BTU (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.1.4).

3. Pelaporan ke Mesyuarat Eksekutif (ME)

PSTU menjalankan analisa pencapaian bulanan lalu menyediakan laporan untuk pengurusan eksekutif dan pengurusan kanan KPPIM. Pencapaian sasaran bulanan dibentangkan di dalam Mesyuarat Eksekutif, bagi memastikan proses pemantauan oleh pengurusan kanan KPPIM.

4. Penambahbaikan melalui Perjumpaan PNC bersama Pengarah dan Pengurus Projek

Perjumpaan bersama PNC dan semua Ketua Projek serta Pengurus Projek diadakan bagi melihatkan penambahbaikan yang boleh dibuat. Perjumpaan ini dilakukan selepas Laporan pencapaian dikeluarkan setiap bulan. Penambahbaikan dijalankan oleh setiap bahagian bagi memastikan pencapaian sasaran. (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.1.5). Peratusan kemajuan projek juga dipantau melalui sistem UiSMS.

SENARAI BUKTI:

1. [A1722_P01_PB04_PC01_20241_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.1.1.pdf](#)
2. [A1722_P01_PB04_PC01_20242_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.1.2.pdf](#)
3. [A1722_P01_PB04_PC01_20243_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.1.3.pdf](#)

4. [A1722_P01_PB04_PC01_20244_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.1.4.pdf](#)
5. [A1722_P01_PB04_PC01_20245_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.1.5.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Kanan KPPIM mewujudkan **Jawatankuasa Pemilik Risiko(JPR)** yang bertindak untuk mengendalikan risiko dan ancaman. Risiko yang dikenalpasti untuk 3 inisiatif bidang tumpuan iaitu inisiatif iNTPRIME, SULAM dan PRIMETEER adalah merujuk kepada **Panduan Pengguna Modul Strategic Action Plan: Pengurusan Risiko Projek, Standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015** dan **Prosedur Pengurusan Risiko KPPIM (PK.UiTM.KPPIM.01)**. Dokumen-dokumen membantu pengurusan kanan KPPIM mengurus dan memantau risiko sesuatu projek yang dilaksanakan di bawah pelan strategik UiTM 2025. Ia juga memudahkan pihak KPPIM merekod dan mengemaskini daftar risiko dan pelan mitigasi setiap projek. Selain itu, ia membolehkan pemantauan status dan tahap risiko projek dilakukan oleh pihak PTJ bagi tujuan analisis dan pelaporan serta menjadi rujukan bagi daftar risiko projek. (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.2.1).

Melalui panduan tersebut, risiko bagi projek-projek tersebut telah dikenalpasti dan didaftarkan di dalam sistem UiSMS. (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.2.2).

Setiap risiko dinilai dari segi impaknya kepada KPPIM dan tiga kategori impak risiko telah dikenal pasti iaitu pelaksanaan projek, risiko kewangan dan risiko pengurusan maklumat.

Risiko pelaksanaan projek merangkumi **kertas kerja tidak lengkap, tidak melalui proses yang betul, kegagalan mencapai penajaan, kegagalan mencapai jumlah pelajar yang mendaftar dan perubahan tarikh program**. Langkah mitigasi diambil oleh Pejabat HEP dengan menyediakan senarai **semak permohonan program/aktiviti, prosedur operasi dan pengurusan pejabat HEP, Tabung JPAP, borang perubahan tarikh dan Mesyuarat Pre-JPAP**. (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.2.3)

Risiko kewangan melibatkan **kelewatan dana diterima dan boleh menjejaskan pelaksanaan program/aktiviti**. KPPIM telah mengambil langkah proaktif dengan memberi dana pendahuluan kepada kedudukan kewangan semasa kolej dan tahap keperluan bagi program/aktiviti (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.2.4). Risiko pengurusan maklumat melibatkan pengurusan data yang tidak sistematik menyebabkan kurang pelaporan dalam laporan petunjuk prestasi. Pelan mitigasi dipraktikkan dengan pemantauan yang lebih teliti dalam melaporkan pengurusan projek dan data di dalam aplikasi Simulator Skor dan HEP Google Sites dan KPPIM Strategic Sites sebagai strategi jangka panjang untuk mengatasi masalah ini. Sistem Simulator dipantau oleh PSTU KPPIM secara berterusan. (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.2.4)

Pengurusan risiko di KPPIM dikelaskan kepada empat (4) tahap iaitu **Tahap Rendah, Sederhana, Tinggi dan Kritikal** (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.2.5). Pengelasan ini ditentukan berdasarkan kemungkinan kejadian yang tidak diinginkan dengan jangka masa atau keadaan tertentu dan kesan terhadap pelaksanaan operasi. Pelan mitigasi turut dirancang dan dilaksanakan secara menyeluruh dalam menangani risiko.

SENARAI BUKTI :

1. [A1722_P01_PB04_PC02_20241_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.2.1.pdf](#)
2. [A1722_P01_PB04_PC02_20242_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.2.2.pdf](#)
3. [A1722_P01_PB04_PC02_20243_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.2.3.pdf](#)
4. [A1722_P01_PB04_PC02_20244_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.2.4.pdf](#)
5. [A1722_P01_PB04_PC02_20245_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.2.5.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil penganalisaan perancangan strategik dilaksanakan setiap bulan dengan mengambil kira setiap maklumat yang dilaporkan oleh pengurus projek. Simulator pencapaian PI yang dibina oleh JKPS sangat membantu proses menganalisa yang dijalankan setiap bulan. Simulator ini dibuat menggunakan Microsoft Excel, dan ia dapat menjana maklumat pencapaian semasa yang diperlukan untuk dibentangkan.

Pembentangan Analisa Pencapaian PI di Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)

1. Setiap pembentangan oleh PSTU dalam MKSP, menitikberatkan pencapaian PI semasa merangkumi perkara berikut:

- Analisa pencapaian keseluruhan KPPIM, juga mengambil kira tren pencapaian bulanan.
- Analisa pencapaian mengikut bahagian dan projek, serta mengenalpasti PI yang belum tercapai dan pelan mitigasi sekiranya berisiko.
- Simulasi pencapaian PI bagi mengenalpasti kebolehan dan kekuatan KPPIM terutama dalam bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan.
- Slide Pembentangan PSTU (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.3.1)

2. Perkongsian analisa tersebut memberi peluang kepada semua pengurusan eksekutif KPPIM untuk menyampaikan hasil pencapaian kepada para pensyarah mengikut bidang, bagi memastikan ia sampai kepada seluruh warga KPPIM. Pencapaian setiap projek dibentangkan untuk mengenalpasti progres dan kemampuan KPPIM untuk mencapai sasaran. Bagi memastikan tindakan penambahbaikan dijalankan, pembentangan tersebut diminitkan.

3. Pembentangan setiap ketua projek pula menekankan perkara yang berikut.

- Progres pencapaian PI
- Aktiviti yang dijalankan
- Masalah yang dihadapi

Perjumpaan PNC KPPIM bersama Pengarah Projek.

(KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.3.2)

Penghargaan Pencapaian Prestasi Cemerlang Performance Indicator Sukuan Pertama 2023.

(KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.3.3)

Pengurusan data secara sistematik melalui Simulator membantu mengurangkan isu kurang pelaporan (under reporting) dan setiap unit bertanggungjawab ke atas pencapaian unit masing-masing serta pencapaian prestasi KPPIM secara keseluruhan. **Data yang dilaporkan dalam Simulator KPPIM akan dibandingkan dengan data pencapaian dari pihak BTU** bagi membuat pembetulan data sebelum laporan akhir dikeluarkan. (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.3.4)

Selain itu, pemantauan pelaksanaan projek dalam sistem UiSMS turut menjadi sistem sokongan kepada Simulator KPPIM untuk memastikan projek yang dirancang berjalan dengan lancar. Pelaksanaan projek dipantau dari segi **peratus pelaksanaan** dalam sistem oleh ketua projek masing-masing secara berterusan dan analisis dilakukan dalam memastikan projek berjalan seperti yang telah dirancang dan tindakan penambahbaikan dikenal pasti jika perlu. (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [A1722_P01_PB04_PC03_20241_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.3.11.pdf](#)
2. [A1722_P01_PB04_PC03_20242_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.3.2.pdf](#)
3. [A1722_P01_PB04_PC03_20243_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.3.3.pdf](#)
4. [A1722_P01_PB04_PC03_20244_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.3.4.pdf](#)
5. [A1722_P01_PB04_PC03_20245_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.4.3.5.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

KPPIM mengamalkan budaya penambahbaikan secara berterusan di mana wujudnya pelbagai proses penambahbaikan perancangan strategik untuk bidang tumpuan yang dipilih.

Pemantauan dan penambahbaikan operasi KPPIM dilaksanakan melalui Unit Pengurusan Kualiti dan Strategi secara amnya dan secara khusus untuk bidang tumpuan di bawah HEP. **Di KPPIM terdapat empat (4) fungsi di bawah Unit Kualiti dan Strategi, iaitu sistem audit akreditasi, sistem dokumentasi akreditasi, sistem perancangan strategik dan sistem pengurusan risiko.** Setiap sistem ini mempunyai peranan yang penting dalam memastikan budaya kecemerlangan di KPPIM (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.5.1).

Pemantauan pelaksanaan dilakukan melalui dua cara, iaitu audit dalaman dan audit luaran. Penambahbaikan pula dilaksanakan melalui dua cara: berdasarkan penemuan audit yang memerlukan tindakan penambahbaikan dan pembetulan yang dilaporkan dalam **Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)**, serta pelaksanaan **Kecemerlangan Organisasi (OE)** (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.5.2).

Pelaksanaan program dan aktiviti dipantau oleh ketua-ketua unit di bawah HEP, dengan pelaporan aktiviti disemak melalui dashboard pencapaian seperti **Simulator Skor** dan **sistem UePMO** (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.5.3). Maklumat mengenai pelaksanaan program dibentangkan dalam mesyuarat dalaman yang diadakan secara berkala. Selain itu, bagi memastikan objektif dan inisiatif strategi dicapai, salah satu peranan kepimpinan adalah memastikan perancangan BT dilaksanakan untuk penambahbaikan berterusan. Ini termasuklah semakan semula Perancangan Strategik yang diadakan pada setiap awal tahun yang diterajui oleh Pengurusan Kanan KPPIM. **Bengkel 'Ready, Set, Action! 2022, Bengkel Strategi Lonjakan 2022** dan **Bengkel Pensejajaran Pelan Tindakan Strategik 2024** melibatkan kepimpinan kanan dan wakil staf dari pelbagai lapisan (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.5.4).

Semasa semakan pembentangan prestasi pencapaian HEP, penambahbaikan dan pembaharuan strategi dan inisiatif bagi menepati teras baharu UiTM dan diselaraskan dengan Amanat PNC, hala tuju Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi), hala tuju negara melalui Teras Strategik Utama Malaysia Madani dan UN Sustainable Development Goals (SDG) (KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.5.5).

SENARAI BUKTI :

1. [A1722_P01_PB05_20241_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.5.1.pdf](#)
2. [A1722_P01_PB05_20242_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.5.2.pdf](#)
3. [A1722_P01_PB05_20243_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.5.3.pdf](#)
4. [A1722_P01_PB05_20244_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.5.4.pdf](#)
5. [A1722_P01_PB05_20245_KPPIM_Lampiran_Perancangan_Strategik_2.5.5.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengenalpastian pelanggan utama bidang tumpuan (BT) KPPIM dilakukan berdasarkan pelbagai kaedah agar hala tuju pencapaian indikator (PI) adalah bersasar dan bertepatan dengan keperluan pelanggan KPPIM. Pelanggan BT didefinisikan kepada **pelanggan misi, proses, dalaman serta luaran**, manakala pelanggan utama KPPIM dikenalpasti sebagai **pelajar KPPIM**. Berdasarkan carta organisasi struktur urus tadbir KPPIM, pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) adalah pemain utama dalam pengurusan dan pembangunan pelajar KPPIM.

Pihak KPPIM melalui Pejabat HEP sentiasa proaktif dalam **merancang, melaksana, memantau**, dan **menambah baik** proses pengurusan dan pembangunan pelajar. **Perancangan** strategi pengurusan dan pembangunan pelajar berlandaskan **Pelan Perancangan Strategik KPPIM 2022-2025** dan **Pelan Tindakan Strategik (SAP) 2023 KPPIM** yang dibangunkan berdasarkan beberapa rujukan penting, dengan tumpuan kepada **kelestarian diri pelajar (self-sustained)**. Pelaksanaan hebahan SAP KPPIM kepada semua warga KPPIM agar perancangan proses serta aktiviti dijalankan mencapai BT adalah bersasar dan menepati PI yang ditetapkan di dalam SAP. Berdasarkan SAP KPPIM, perancangan kepada pengurusan dan pelajar secara efektif dirancang melalui **komunikasi terbuka dan dua hala** antara staf pejabat HEP dan pelajar KPPIM. Komunikasi terbuka turut memudahkan **perancangan pengurusan kebajikan pelajar KPPIM** yang lebih sistematik dan pantas. Pelajar turut diberi **ruang dan peluang** untuk melakar **pembelajaran berdasarkan pengalaman** mengikut strategi model pelajar **WTEC (Wonderer, Tourist, Explorer, Conqueror)**

Penstrukturan semula dan fungsi pejabat HEP KPPIM dengan kewujudan jawatan baharu bagi melancarkan **pelaksanaan** pengurusan dan pembangunan pelajar seperti yang telah diperincikan di dalam SAP KPPIM. Hasilnya, tiga inisiatif utama telah diwujudkan iaitu **PRIMETEER, SULAM** dan **iNTPRIME**.

Pelaksanaan tiga inisiatif utama ini **dipantau** rapi oleh pihak pengurusan KPPIM menerusi **mesyuarat secara berkala**, dan **maklum balas** pelanggan utama KPPIM. Unit Kualiti Kolej turut memainkan peranan dalam memastikan **pemantauan** dijalankan secara berkala melalui proses **audit dalaman dan luaran**. Hasil dapatan dari pemantauan diminitkan di dalam **mesyuarat kajian semula pengurusan (MKSP)** dan arahan tindakan **penambahbaikan** dikeluarkan melalui keputusan MKSP. Inisiatif tindakan penambahbaikan kepada pengurusan dan pembangunan pelajar adalah bukti tindakan cergas dan pantas telah diambil di peringkat pelaksana. Kesimpulannya, dalam memastikan pencapaian keberhasilan bidang tumpuan (BT), KPPIM komited bagi memastikan setiap proses perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan dibuat secara sistematik dan efisien.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pihak KPPIM menerusi pejabat HEP telah mengenal pasti pendekatan terbaik dalam merancang dan menjalankan proses pengurusan dan pembangunan pelajar, selari dengan **visi** dan **misi UiTM** ke arah **Globally Renowned University (GRU) 2025**. Pendekatan memfokuskan kepada **kelestarian pelajar (Self-Sustained)** yang bertepatan dengan BT pengurusan dan pembangunan pelajar, berpandukan **nilai ESI dan i-Dart** (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.2.1)

KPPIM menggunakan **Pelan Perancangan Strategik KPPIM 2022-2025 (PPS2025)** dan **Pelan Tindakan Strategik (SAP) 2023** berlandaskan hala tuju dan garis panduan peringkat **antarabangsa, kebangsaan dan kementerian, iaitu 17 Sustainable Goal Development (SDG) oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu, Industrial Revolution (IR) 4.0, Malaysia Education Blueprint 2015-2025 (Higher Education), Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030 dan Teras Strategik Utama Malaysia Madani** (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.2.2). Kriteria Tumpuan Pelanggan seperti diperincikan di **Model Graduan UiTM** yang juga menjadi rujukan bagi mengenal pasti kumpulan pelanggan utama berkepentingan dalam BT. Berdasarkan **Manual Kualiti KPPIM**, pelanggan didefinisikan sebagai Pelanggan Misi, Pelanggan Proses, Pelanggan Dalaman dan Pelanggan Luar. Untuk menjayakan pengurusan dan pembangunan pelajar, kumpulan pelanggan utama BT adalah pelanggan dalaman iaitu pelajar KPPIM dan sistem kualiti KPPIM (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.2.2).

Pejabat HEP KPPIM mengambil pendekatan inovatif tiga (3) inisiatif utama iaitu **PRIMETEER, SULAM** dan **INTPRIME** bagi menjayakan pencapaian BT. Pejabat HEP KPPIM bertanggungjawab memastikan kelancaran inisiatif dapat dilihat keberhasilannya melalui perancangan projek berimpak dan perancangan kursus akademik bersulamkan kemasyarakatan dan pensijilan profesional (projek **1P1S**) yang dipetakan semula kepada perancangan inisiatif utama. Perancangan berasaskan strategi baharu KPPIM bagi menyerlahkan ketampakan model **Winner's Journey WTEC (Wonderer, Tourist, Explorer, Conqueror)** dan model pelajar **Sought After and Self-Sustained Talent** ke arah melahirkan **Model Graduan UiTM** yang **seimbang dan holistik**, bertepatan tema pengurusan KPPIM **Iconic and Impactful** (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.2.3).

Dalam usaha untuk memastikan pejabat HEP KPPIM dapat mencapai semua petunjuk prestasi **PI**, seluruh warga dan pemegang taruh dilibatkan secara langsung dalam perancangan aktiviti BT. **Komunikasi terbuka dan dua hala** dipraktikkan oleh pihak pejabat HEP KPPIM. Pembangunan sistem e-aduan KPPIM dan pelbagai akaun media sosial di platform berbeza telah dibangunkan agar maklumat serta cadangan dari pelanggan dapat dikomunikasikan dengan lebih pantas, efisien, dan mesra pelanggan (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.2.4). Komunikasi terbuka juga menggalakkan pengumpulan data dan maklumbalas berlaku secara lebih sistematik, dan sebarang aduan atau masalah dialami pelanggan ditangani oleh pihak pejabat HEP dengan pantas, tanpa mengira waktu (**anytime, anywhere**). Konsep komunikasi terbuka mendorong kepada pengumpulan data pelanggan dari pelbagai aspek kejayaan yang dicapai oleh pelanggan dalaman KPPIM. Bagi menyerlahkan ketampakan pelajar yang juga pelanggan dalaman KPPIM, **Projek 1000 kejayaan & KPPIM Wall of Fame** telah dibangunkan (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.2.4).

Pejabat HEP KPPIM prihatin kepada kebajikan dan kesejahteraan pelajar, terutamanya pelanggan kelainan upaya di KPPIM. Perancangan menaiktaraf fasiliti berdasarkan spesifikasi golongan kelainan upaya di KPPIM dibincangkan dan dibawa ke mesyuarat berkala KPPIM dengan kerjasama dari Unit Perkhidmatan OKU UiTM (UPO UiTM). Spesifikasi diambil kira dalam perancangan penambahbaikan dan diminit di dalam **mesyuarat jawatankuasa eksekutif KPPIM**. (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.2.5). Fungsi sistem kualiti KPPIM juga memainkan peranan penting dalam keterlibatan dan kepimpinan komited bagi pengenalanpastian dan pemeliharaan kebajikan, kelestarian, serta kesejahteraan pelajar bermodelkan **Sought After and Self-Sustained Talent** oleh pejabat HEP KPPIM dalam menivakan BT.

SENARAI BUKTI:

1. [A1722_T01_TB02_20241_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.2.1.pdf](#)
2. [A1722_T01_TB02_20242_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.2.2.pdf](#)
3. [A1722_T01_TB02_20243_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.2.3.pdf](#)
4. [A1722_T01_TB02_20244_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.2.4.pdf](#)
5. [A1722_T01_TB02_20245_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.2.5.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Melalui perancangan aktiviti berkonsepkan kesejahteraan dan kelestarian pelajar, pejabat HEP KPPIM melaksanakan pendekatan yang **self-sustainable**, dengan memberi **ruang dan peluang** kepada pelajar melaksanakan **pembelajaran berdasarkan pengalaman**. Projek seperti **1P1S**, aktiviti pembelajaran dan kemasyarakatan berteraskan **SULAM**, projek **Kongsi Rezeki** dan **Sudut Keusahawanan** adalah antara contoh pelaksanaan aktiviti yang dirancang oleh pejabat HEP KPPIM. Lantikan jawatan penyelarasan certipod dan pensijilan KPPIM adalah langkah proaktif KPPIM dalam pelaksanaan dan menjayakan **projek satu pelajar satu sijil profesional (1P1S)** bagi memantapkan pembangunan pelajar (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.3.1). Memorandum Persefahaman antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Google Malaysia membantu usaha projek dengan penawaran **lesen Freemium Scholarship Google Career Certificates** kepada 200 orang pelajar bagi pensijilan profesional dalam bidang teknologi maklumat, artificial intelligence, dan cyber security. Syarikat antarabangsa seperti Huawei, Microsoft, SAS, CISCO, DNB dan ERICSON juga menawarkan peluang pensijilan profesional kepada pelajar bagi menghasilkan graduan dengan nilai tambah di mata industri Lantikan *person-in-charge* untuk setiap pensijilan sebagai pegawai bertanggungjawab mengurus pelajar juga membantu melancarkan proses menjayakan BT (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.3.1).

KPPIM juga menitikberatkan penglibatan pelajar menjalankan aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawanan bagi membentuk graduan KPPIM **Sought After and Self-Sustained Talent** dan ciri **WTEC**. Pejabat HEP KPPIM dengan kerjasama pejabat Hal Ehwal Akademik (HEA) dan Pejabat Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) KPPIM berperanan menggerakkan pelaksanaan aktiviti kemasyarakatan dengan penglibatan pelajar, pensyarah dan komuniti setempat. Aktiviti kemasyarakatan ini adalah inisiatif **Service Learning Malaysia: University for Society (SULAM)** dan diterapkan di dalam silibus subjek pilihan di KPPIM sebagai salah satu penilaian berterusan kepada pelajar (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.3.2). Peluang berkecimpung dalam bidang keusahawanan disediakan oleh pejabat HEP KPPIM kepada pelajar melalui pelaksanaan **Sudut Keusahawanan** menerusi perancangan aktiviti oleh kelab dalaman KPPIM. Pelajar diberi ruang niaga menyediakan pelbagai makanan kepada rakan-rakan pelajar dan servis penghantaran makanan melalui perancangan dan pelaksanaan aktiviti kelab dalaman KPPIM. **Pendapatan dan keuntungan dijana** 100% diterima oleh pelajar dan kelab dalaman tersebut (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.3.2).

Pejabat HEP KPPIM mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan pelajar dalam BT. Penubuhan pelbagai platform atas talian disediakan oleh Pejabat HEP KPPIM seperti **e-aduan, e-care**, dan penubuhan akaun di aplikasi popular sosial media seperti **Whatsapp, Email, Telegram dan Tiktok** bagi memastikan penyampaian maklumat kepada pelanggan dalaman dilaksanakan secara **efektif** dan **pantas** (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.3.3). Pengurusan dan tindakan segera dilaksanakan ke atas aduan dan maklum balas diberi oleh warga KPPIM, terutamanya maklumbalas berkaitan kebajikan pelajar. Penambahbaikan fasiliti di KPPIM terutamanya buat pelanggan OKU telah dilaksanakan setelah memperolehi **kelulusan peruntukan dana** dari Unit Perkhidmatan OKU UiTM (UPO UiTM) (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.3.4). **Penyediaan penapis air dan kerusi roda** di KPPIM kampus Puncak Perdana turut menyumbang kepada **kesejahteraan** pelajar KPPIM (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.3.4).

KPPIM menggunakan sistem **komunikasi terbuka** dan **dua hala** berkonsepkan **'anytime, anywhere'** bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan inisiatif. Sistem Kualiti KPPIM menstruktur semula organisasi KPPIM dengan mewujudkan jawatan baharu seperti Ketua Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar, Ketua Kebajikan dan Kesejahteraan Pelajar, Koordinator Persatuan Pelajar dan Koordinator Ketampakan dan Kelestarian Pelajar. Dalam usaha menyokong aspirasi universiti untuk melahirkan pelajar yang cemerlang, adalah penting bagi Koordinator Ketampakan dan Kelestarian Pelajar (KKP) bertanggungjawab berinteraksi

dengan pelajar berkenaan keperluan latihan yang diperlukan untuk persediaan kerjaya (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [A1722_T01_TB03_20241_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.3.1.pdf](#)
2. [A1722_T01_TB03_20242_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.3.2.pdf](#)
3. [A1722_T01_TB03_20243_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.3.3.pdf](#)
4. [A1722_T01_TB03_20244_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.3.4.pdf](#)
5. [A1722_T01_TB03_20245_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Sistem pemantauan pencapaian perancangan strategik yang **sistematik, pelbagai** dan **efektif** diberi penekanan dalam memastikan pelaksanaan perancangan telah dijalankan. Pihak pengurusan KPPIM melalui pejabat HEP bertanggungjawab memastikan proses BT dipantau bagi mencapai **Performance Indicator (PI)**. **Pelan Tindakan Strategik (SAP) KPPIM** digunakan sebagai rujukan utama dalam pemantauan proses BT dalam mencapai matlamat prestasi (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.1.1). Kaedah pemantauan pelaksanaan proses BT diberi penekanan oleh pihak pengurusan KPPIM. **Bengkel Pengukuhan dan Pemantapan KPPIM** dijalankan bagi memantau keberkesanan dan pelaksanaan SAP KPPIM. Proses **audit dalaman** dilaksanakan dengan telus bagi memantau keberkesanan penubuhan jawatan baharu untuk menjalankan proses dalam BT. Keputusan dan maklumbalas dari proses audit akan dibentangkan dan diambil tindakan segera melalui **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** yang diadakan secara berkala (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.1.2).

Setiap projek/aktiviti/program melibatkan pelajar harus dimohon mengikut **prosedur** yang ditetapkan, dan akan dibentangkan di dalam dua mesyuarat dalam pejabat HEP KPPIM, iaitu **Mesyuarat Pra-Jawatankuasa Pembangunan Aktiviti Pelajar (Pra-JPAP)** dan seterusnya ke **Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Aktiviti Pelajar (JPAP)**. Setiap projek/aktiviti/program dilaksanakan dipantau supaya menepati dan memenuhi salah satu **17 SDG Goals**. Hebahan projek/aktiviti/program perlu **dipromosi sebelum, semasa** dan **selepas** projek/aktiviti/program berjalan, serta maklumbalas dari peserta dan sebarang **tindakan penambahbaikan** dilapor di dalam mesyuarat JPAP (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.1.3)

KPPIM mendapat **penghargaan dari pihak UPO** atas usaha **pemeriksaan fasiliti OKU** dan keprihatinan kepada kesejahteraan pelajar golongan kurang upaya. **Wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) KPPIM** memainkan peranan dalam memantau aduan dan maklumbalas diterima dari pelajar bagi memastikan tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan. Pencapaian perancangan kemenjadian pelajar diukur melalui strategi **model Winner's Journey WTEC** yang diadaptasi daripada **konsep zero to hero**; perjalanan seorang juara tidak berpengalaman hingga menjadi juara. KPPIM menggunakan tema **Iconic and Impactful** bagi projek/aktiviti/program yang dijalankan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Hashtag **#KPPIMGoGlobal** digunapakai bagi program bertaraf antarabangsa seperti **CSR mobiliti program** dan **student exchange** (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.1.4).

Kaedah pemantauan keperluan pelajar dari segi **akademik** pula dilaksanakan melalui platform sedia ada UiTM seperti analisa **PROPENS, TEX** dan **SuFO** yang dibentangkan di **mesyuarat Jawatankuasa Akademik Kolej Pengajian (JAKP)**. Hasilnya pengurusan pelajar adalah pencapaian pelajar menerima **anugerah dekan** dan **anugerah naib canselor**. Kejayaan pelajar juga dipamerkan di **Wall of Fame KPPIM** (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.1.5).

SENARAI BUKTI:

1. [A1722_T01_TB04_TC01_20241_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.1.1.pdf](#)
2. [A1722_T01_TB04_TC01_20242_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.1.2.pdf](#)
3. [A1722_T01_TB04_TC01_20243_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.1.3.pdf](#)
4. [A1722_T01_TB04_TC01_20244_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.1.4.pdf](#)
5. [A1722_T01_TB04_TC01_20245_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.1.5.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

KPPIM menggunakan strategi pengurusan risiko yang selari dengan Unit Pengurusan Risiko (UPR) UiTM. Pejabat HEP KPPIM berperanan mengenalpasti risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan dan pencapaian PI bagi aktiviti/program yang telah dirancang. Lantikan dan penubuhan **Jawatankuasa Pemilik Risiko KPPIM** bertanggungjawab menyediakan daftar risiko, pengawasan dan aktiviti pengurusan risiko serta pemantauan langkah mitigasi oleh pemunya risiko. KPPIM melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko** yang dijalankan secara berkala memantau dan menilai semula maklumat risiko yang masih relevan (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.2.1).

Bagi memastikan keberhasilan dan pencapaian objektif BT, **bengkel pelan tindakan strategik** diadakan untuk menilai semula risiko inisiatif perancangan strategik terutama yang berkaitan BT. Setiap usaha yang dicadangkan dalam risiko strategik dibincang dan dikaji secara terperinci sebelum dilaksanakan iaitu merangkumi penetapan risiko, tahap risiko dan strategi untuk mengurangkan risiko (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.2.2)

Penilaian pencapaian pelajar diukur melalui model **Winner's Journey WTEC - Wanderer, Tourist, Explorer, dan Conqueror**, yang diadaptasi daripada konsep **zero to hero**; perjalanan seorang juara tidak berpengalaman hingga menjadi juara. Risiko pelaksanaan aktiviti adalah jika pelajar tidak mencapai tahap WTEC yang diperincikan serta **model pelajar KPPIM Sought After and Self-Sustained Talent**. Jurang tahap pencapaian pelajar direkodkan sebagai data risiko pejabat HEP KPPIM dan aktiviti penambahbaikan bagi membantu usaha pelajar mencapai tahap WTEC seperti yang dirancang. Melalui pejabat HEP KPPIM, maklumbalas setiap aktiviti yang telah dilaksanakan direkod dan diminitkan di mesyuarat JPAP secara berkala. Tindakan penambahbaikan dimaklumkan kepada pihak KPPIM dan pelaksana aktiviti/projek/program. Pelaksana aktiviti/projek/program termasuk pelajar dan staf bertanggung jawab perlu mengambil langkah penambahbaikan bagi aktiviti/projek/program seterusnya (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.2.3).

KPPIM mengutamakan pengurusan risiko dengan **mengoptimumkan penggunaan operasi dan fasiliti sedia ada** dan **menambah baik mengikut keperluan**. Unit OSHA dilibatsama bagi mencadangkan projek keselamatan agar risiko yang sama tidak berulang (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.2.4). Pejabat HEP KPPIM turut mementingkan kesejahteraan pelajar kurang upaya dengan menangani risiko dan kesukaran fasiliti di kawasan pembelajaran pelajar. Justeru, **penaikkan taraf kualiti fasiliti** dijalankan dengan kerjasama dari pihak UPO bagi merendahkan risiko pelajar dan **maklum balas penambahbaikan** turut direkod (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.2.5).

SENARAI BUKTI :

1. [A1722_T01_TB04_TC02_20241_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.2.1.pdf](#)
2. [A1722_T01_TB04_TC02_20242_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.2.2.pdf](#)
3. [A1722_T01_TB04_TC02_20243_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.2.3.pdf](#)
4. [A1722_T01_TB04_TC02_20244_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.2.4.pdf](#)
5. [A1722_T01_TB04_TC02_20245_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.2.5.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Melalui pejabat HEP, perancangan aktiviti/projek/program bagi mencapai BT perlu kelulusan di pelbagai peringkat seperti **Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Aktiviti Pelajar (JPAP)**, **Mesyuarat Eksekutif Kolej Pengajian (JEK)** dan **Mesyuarat PP Sumber Manusia (MPPSM)** yang diadakan secara berkala (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.3.1). Amalan **komunikasi terbuka dan dua hala** oleh pejabat HEP KPPIM juga berperanan penting dalam mendapat maklum balas segera dari pihak terlibat, dan memudahkan tindakan penambahbaikan segera dilaksanakan. **Maklumbalas** kepada perancangan aktiviti/projek/program direkod dan diberi secara lisan kepada pelaksana aktiviti/projek/program untuk **tujuan penambahbaikan** sebelum kelulusan diberikan (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.3.2).

Bagi meneliti tindakan penambahbaikan setiap program, keberkesanan pemantauan pencapaian BT dapat dilihat melalui data maklum balas yang dikumpulkan. **Platform Google Form** digunakan bagi mendapatkan maklum balas semua aktiviti/projek/program yang telah dijalankan (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.3.3). Laporan penutup aktiviti/projek/program perlu dihantar kepada pejabat HEP dalam tempoh 14 hari selepas program tamat, dan pengumpulan data melalui **sistem SmarHEP** akan dibentangkan di dalam **mesyuarat jawatankuasa eksekutif KPPIM (JEK)**. Laporan Analisa akan dibincangkan oleh pengurusan kanan KPPIM bagi **mengenal pasti tindakan penambahbaikan** program akan datang (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.3.4)

Tindakan penambahbaikan bagi aktiviti/projek/program yang dilaksanakan telah dikaji dan dianalisa melalui penyimpanan, pelaporan dan pengumpulan data melalui **sistem integrasi SmarHEP**. Sistem ini membenarkan penyimpanan data dapat dilakukan secara sistematik dan automatik yang membolehkan **pemantauan dilakukan anytime, anywhere**. Hal ini turut memberi manfaat dan rujukan kepada pihak dalaman dan luaran dalam perkongsian maklumat (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.3.5)

SENARAI BUKTI :

1. [A1722_T01_TB04_TC03_20241_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.3.1.pdf](#)
2. [A1722_T01_TB04_TC03_20242_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.3.2.pdf](#)
3. [A1722_T01_TB04_TC03_20243_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.3.3.pdf](#)
4. [A1722_T01_TB04_TC03_20244_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.3.4.pdf](#)
5. [A1722_T01_TB04_TC03_20245_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.4.3.5.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan KPPIM menghargai kecemerlangan pelajar dari segi akademik, kepimpinan dan kesejahteraan dengan memberi anugerah khusus kepada pelajar. Pendekatan KPPIM untuk mencapai **kelestarian diri (self-sustained)** pelajar dengan memberi pelajar pengiktirafan berdasarkan strategi baharu **model Winner's Journey WTEC - Wonderer, Tourist, Explorer dan Conqueror**. Dalam bidang akademik, **Anugerah Dekan** diadakan setiap semester bagi meraikan pelajar yang cemerlang dengan pencapaian nilai CGPA 3.5 ke atas. Pelajar yang cemerlang dalam bidang kepimpinan dan kesejahteraan juga diraikan dan dipaparkan pada **Wall of Fame KPPIM**. Selain daripada itu, pembudayaan **projek 1P1S** yang diterapkan dalam kursus akademik KPPIM menjadi **value-added** dan memberi **peluang** kepada pelajar mendapat sijil profesional setelah tamat pengajian. (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.5.1).

Hasil dari pemantauan dan kajian semula terhadap pelanggan BT, KPPIM telah membuat **inovasi pendigitalan** dalam pengurusan aduan pelanggan dengan mewujudkan **SALURAN ADUAN PELAJAR** yang berfungsi sebagai **one-stop-centre**. SALURAN ADUAN PELAJAR merangkumi **Sistem eCARE HEP KPPIM, eADUAN UiTM, eADUAN FASILITI UiTM dan eADUAN ICT UiTM** boleh dicapai dengan mengimbas QRCode yang disediakan dan disebarkan kepada pelajar secara fizikal dan di media sosial. Sistem eCARE HEP KPPIM adalah **inisiatif dan hasil inovasi** yang dibangunkan oleh pejabat HEP KPPIM bertujuan membantu pengurusan dan tindakan terhadap pelajar yang efektif dan efisien. (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.5.2).

Pihak KPPIM mewujudkan **komunikasi terbuka dan dua hala** yang **mesra pelanggan**, serta menggunakan cara **mendidik daripada menghukum pelajar** memberi **peluang pelajar** menjadikan pejabat HEP KPPIM sebagai pusat rujukan pelajar. Pelajar yang mempunyai masalah kewangan, ditimpa musibah dan sebagainya dibantu pihak HEP KPPIM melalui saluran **Tabung Alumni Prihatin RM5**. Tabung Alumni Prihatin RM5 dibangunkan oleh UiTM telah digunapakai secara **efektif** bagi memudahkan urusan pengumpulan dana secara atas talian untuk bantuan kepada pelajar. **Hebahan secara efisien** disalurkan menerusi **platform media sosial Whatsapp** dan **email** kepada semua warga KPPIM. (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.5.3).

Pengurusan KPPIM proaktif dalam **agenda pemerksaan OKU UiTM** dengan mengadakan kolaborasi bersama Unit Pengurusan OKU (UPO UiTM). Fasiliti OKU telah ditambah baik seperti kemudahan tandas OKU, parkir OKU dan kemudahan ruang pelajar yang selesa turut disediakan bagi menjaga kesejahteraan pelajar di KPPIM. Selain daripada itu, **sumbangan kerusi roda** turut diberikan kepada pelajar yang memerlukan demi untuk kemudahan dan kesejahteraan pelajar (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.5.4).

Pembudayaan **sudut keusahawanan** telah diperkenalkan kepada pelajar untuk membantu **pelajar menjana pendapatan**. Pelajar diberi **ruang dan peluang** untuk menjual makanan bagi menambah pendapatan. Selain daripada itu, pihak KPPIM telah memberi peluang kepada pelajar untuk mempromosi perkhidmatan penghantaran yang dibuat oleh pelajar bagi menambah pendapatan. Pihak KPPIM turut bekerjasama dengan Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM (ZAWAF) UiTM bagi memberi sokongan dan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelajar KPPIM. ZAWAF menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar yang layak berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak ZAWAF (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.5.5).

Projek Kongsi Rezeki adalah inisiatif pejabat HEP bagi membantu pelajar pada masa-masa tertentu. Kongsi Rezeki disediakan kepada pelajar pada waktu-waktu tertentu seperti menjelang Ramadhan, Hari Raya dan menjelang peperiksaan. Walaubagaimanapun, bantuan secara harian turut disediakan dan dikenali sebagai **PitStop Food ForYou @ KPPIM** diwujudkan di ruang pelajar bagi menyediakan bantuan makanan yang boleh diambil oleh pelajar secara percuma setiap hari (KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.5.5).

SENARAI BUKTI:

1. [A1722_T01_TB05_20241_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.5.1.pdf](#)
2. [A1722_T01_TB05_20242_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.5.2.pdf](#)
3. [A1722_T01_TB05_20243_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.5.3.pdf](#)
4. [A1722_T01_TB05_20244_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.5.4.pdf](#)
5. [A1722_T01_TB05_20245_KPPIM_Lampiran_Pelanggan_3.5.5.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengukuran dan analisis data bagi sebuah organisasi adalah sangat signifikan bagi memastikan matlamat dan strategi pelaksanaan program dapat diukur dan dilaporkan dengan **tepat, dipercayai dan boleh digunakan**. Tambahan lagi, **perancangan (P), pelaksanaan (D), pemantauan (C) dan tindakan penambahbaikan (A)** khususnya bidang tumpuan (BT) yang dipilih iaitu **pengurusan dan pembangunan pelajar** telah dikenal pasti dengan teliti bagi memastikan kelancaran program yang dilaksanakan.

Pelan Perancangan Strategik KPPIM 2022-2025 digunakan sebagai **perancangan (P)** untuk memberi tumpuan kepada pemerkasaan pelajar KPPIM, memperkukuhkan sistem perkhidmatan melalui BT, dan mendorong kelestarian diri yang selari dengan matlamat Malaysia Madani. Pada tahun 2023, **12 Performance Indicator (PI)** yang merangkumi **pembangunan pelajar dalam akademik, kepimpinan dan pembangunan pelajar, dan kesejahteraan dan kebajikan pelajar** dikenalpasti melalui **Strategic Action Plan (SAP)** oleh **Bahagian Transformasi Universiti (BTU)**. Pencapaian **PI HEP** mencapai **100% pada Quarter 3**, manakala pencapaian keseluruhan **PI kolej** adalah **93.7% (6 bintang)**. Pelan ini, berteraskan **Objektif Strategik dan Objektif Kualiti KPPIM 2022-2025**, berupaya mengiktiraf UiTM sebagai **Globally Renowned University** menjelang 2025 (**GRU2025**).

Pelaksanaan (D) pengukuran data telah **dibuat secara berterusan** melalui laporan dan analisis aktiviti pelajar berdasarkan takwim yang telah ditetapkan setiap bulan. Program yang telah diluluskan oleh pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) selepas mesyuarat **Jawatankuasa Pembangunan dan Aktiviti Pelajar (JPAP), Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (MPPSM), dan mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Kolej Pengajian (JEK)** akan disebarluaskan. Antara platform digunakan adalah e-mel, laman web KPPIM dan media sosial agar dapat memastikan penyertaan, kelancaran program dan kebajikan pelajar terjaga dari semasa ke semasa. Melalui projek **1 Pelajar 1 Sijil Profesional (1P1S) dan latihan industri di dalam dan luar negara**, pengukuran data dilihat melalui **Graduate on Time (GOT)** dalam kalangan pelajar dan peningkatan kebolehpasaran graduan (GE).

Pemantauan (C) telah dilakukan melalui sistem **SmartHEP, Aplikasi Skor Simulator, Google Drive, Google Form, dan Microsoft Excel** untuk penyimpanan maklumat aktiviti serta laporan pengukuran KPPIM, termasuk maklumat kebajikan pelajar yang boleh dicapai **anywhere, anytime**. Tambahan lagi, staf HEP akan memantau aktiviti pelajar dan melaporkannya semula dalam **mesyuarat JPAP** (aktiviti kepimpinan dan pengurusan pelajar) serta **mesyuarat Jawatankuasa Akademik Kolej Pengajian (JAKP)** (akademik) bagi memastikan pencapaian kecemerlangan dan ketampakan pelajar. Pemantauan pencapaian HEP juga diukur melalui **strategi Wonderer (W), Explorer (E), Tourist (T), dan Conquerer (C)**, serta model **Global Talent BHEP UiTM**. Melalui pengukuran ini, pelajar berpotensi menjadi model mahasiswa yang cemerlang, iaitu **Sought After and Self Sustained Talent** dengan tagline **iconic and impactful**.

Tindakan (A) melalui pengukuran data, **model Global Talent BHEP UiTM** telah diadaptasi untuk memperkasa pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk bersaing di peringkat global. Untuk meningkatkan **visibility** pelajar pula, **1000 Kejayaan & KPPIM Wall of Fame** telah dibina untuk memberi ucapan tahniah kepada pelajar yang menyertai pertandingan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Hasil dari pengukuran yang luas, pejabat HEP KPPIM berjaya merangkul beberapa anugerah penting sepanjang **2023**, termasuk **Anugerah Dokumentasi Terbaik KPPIM, Anugerah Pencapaian KPI Universiti (6 bintang), Anugerah MeTIC 2023, dan Anugerah Inspirasi Kepimpinan Bestari Hal Ehwal Pelajar**. Pengiktirafan ini menunjukkan kecemerlangan pengurusan HEP di bawah kepimpinan Dekan HEP KPPIM, menjadikan KPPIM terus **iconic**

and impactful.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi memastikan keberhasilan yang berimpak tinggi dalam bidang tumpuan iaitu pembangunan dan pengurusan pelajar melalui **Pejabat HEP KPPIM**, peranan utama bagi **mencapai sasaran PI pada tahun 2023** dan **membentuk kelestarian diri pelajar** adalah sangat penting. Pejabat HEP KPPIM yang diketuai oleh Dekan (HEP), diikuti dengan Ketua Unit Hal Ehwal Pelajar (Pentadbir), Ketua (Kepimpinan & Pembangunan Pelajar) dan Ketua (Kesejahteraan & Kebajikan Pelajar) serta dibantu dengan Pegawai Eksekutif, Koordinator (Persatuan Pelajar) dan Koordinator (Ketampakan & Kelestarian Pelajar) (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.2.1).

Pendekatan utama yang disasarkan oleh KPPIM adalah sangat penting menerusi **tiga (3) keberhasilan utama**. Bagi hasil pertama (**pembangunan pelajar**), keberhasilan ini dinilai menerusi pencapaian akademik pelajar (GOT, Anugerah Naib Canselor (ANC), pensijilan profesional, dan latihan industri), inovasi pelajar, dan kebolehpasaran pelajar. Manakala bagi hasil kedua (**pengantarabangsaan pelajar**), dinilai melalui pelantikan sebagai *ambassador* industri, kesukarelawanan pelajar, keusahawanan, dan kesukanan dan kesenian pelajar. Tambahan lagi, bagi hasil ketiga (**pengurusan kesejahteraan dan kebajikan pelajar**), pendekatan utama yang diberi perhatian menerusi BT adalah sumbangan kebajikan kepada pelajar, Students' Feedback Online (SuFO), sinergi OKU dan zakat pelajar (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.2.2).

Terdapat **tiga (3) inisiatif utama** yang dipertanggungjawabkan oleh HEP melalui SAP 2023 yang telah disahkan oleh BTU iaitu, iNTPRIME, SULAM dan PRIMETEER yang merangkumi **enam (6) projek utama KPPIM** melalui HEP, iaitu **1000 Kejayaan & KPPIM Wall of Fame, Mobiliti Pelajar, Malaysia Data Innovation Talent x DOSM Datathon (MDIT x DD 2023), pensijilan pelajar (1P1S) dan projek Kongsi Rezeki dan 2P (Prihatin dan Peka)** (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.2.1 dan KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.2.4).

Pengukuran BT di KPPIM adalah berdasarkan:

- a. Perancangan Strategik KPPIM bagi tahun 2023 (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.2.3).
- b. Perbandingan PI dalam BT pada tahun 2021, 2022 dan 2023 (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.2.3).

Inisiatif ini tercetus melalui Dekan HEP dengan tema ***Sought After and Self Sustained Talent*** yang mampu membentuk satu model mahasiswa yang bukan hanya cemerlang tetapi berkualiti dalam pelbagai aspek. Tambahan lagi, **Falsafah Pembangunan Mahasiswa julung kali** diperkenalkan oleh pengurusan KPPIM sebagai pemacu utama dalam membimbing keberhasilan pelajar dalam pelbagai aspek iaitu, kepimpinan, komunikasi, kerja berpasukan dan pemikiran kritikal dalam penyelesaian masalah (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.2.4).

Bagi memastikan perancangan dan kelancaran bagi setiap projek yang dijalankan, ketua-ketua Projek PI yang berada di bawah HEP akan membantu menguruskan dan menyelia data-data yang dikumpul daripada aktiviti yang telah dijalankan oleh pelajar. Antara item ukuran yang dikumpul adalah bilangan program yang dijalankan, bilangan penyertaan pelajar, bilangan anugerah yang diterima, jumlah kos peruntukan, dan jumlah perbelanjaan penyertaan program (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.2.4). Setiap kertas kerja bagi aktiviti pelajar yang akan dijalankan hendaklah melalui dua peringkat mesyuarat iaitu, pra mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Aktiviti Pelajar (Pra Mesyuarat JPAP) yang dipengerusikan oleh Dekan HEP, dan JPAP yang dipengerusi oleh Penolong Naib Canselor (PNC), KPPIM. Mesyuarat ini juga dijalankan sekali sebulan bagi memastikan kelulusan dan pelaksanaan program yang dirancang oleh mahasiswa dapat dilaksanakan mengikut jadual dan seterusnya memberi manfaat kepada pelajar (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.2.5).

SENARAI BUKTI:

1. [A1722_A01_AB02_20241_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.2.1.pdf](#)
2. [A1722_A01_AB02_20242_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.2.2.pdf](#)
3. [A1722_A01_AB02_20243_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.2.3.pdf](#)
4. [A1722_A01_AB02_20244_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.2.4.pdf](#)
5. [A1722_A01_AB02_20245_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.2.5.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kaedah dan sumber **perancangan yang tepat** dalam penilaian adalah penting untuk mencapai sasaran PI tahunan melalui data yang dikumpulkan dan dianalisis oleh KPPIM. Untuk mencapai sasaran ini, setiap pengurus bagi tiga inisiatif SAP 2023 akan menghantar pencapaian data PI pada hari keempat setiap bulan kepada PSTU untuk dimuatnaik ke dalam sistem BTU. Data ini juga dibentangkan dalam mesyuarat JEK bagi memantau pencapaian (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.1). Aktiviti dan laporan bagi enam projek utama BT KPPIM turut dimuat naik ke dalam **SmartHEP** untuk pemantauan dan perbandingan dalam sistem UiTM (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.1). Selain itu, pengumpulan maklumat dan rekod melalui **pendigitalan proses dan pelaporan** adalah menggunakan Google Form, Google Drive dan Microsoft Excel.

KPPIM telah **proaktif** dengan perjanjian persefahaman **bersama industri**, seperti Microsoft, SAS, Cisco, dan Huawei, serta berjaya mengekalkan **penarafan Premier Digital Tech Institution (PDTI)** (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.2). Ini membuka peluang bagi pelajar memperoleh sijil profesional yang diperakui industri melalui **program 1P1S**. Tren penyertaan pelajar dalam bengkel pensijilan dan peningkatan jumlah pelajar serta staf yang berjaya memperoleh sijil profesional dapat dilihat dari 2021 hingga 2023 (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.2).

Dari **aspek kepimpinan**, pelajar berpeluang menyertai, menganjur dan mengendalikan pertandingan inovasi peringkat universiti, nasional dan antarabangsa. Penglibatan ini dapat membuktikan kepercayaan yang diberikan oleh pemain industri terhadap **kredibiliti dan kepimpinan pelajar** diiktiraf, malah *visibility* pelajar UiTM juga terserlah (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.3). Tambahan lagi, program mobiliti pelajar (*inbound* atau *outbound*) yang telah dijalankan melibatkan universiti antarabangsa (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.3).

Dari **aspek kesukarelawan**, pelajar, terdapat tiga (3) program utama dalam BT yang **berimpak tinggi** (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.3). **Kejayaan** dalam pelaksanaan program-program tersebut melalui **kolaborasi di antara jabatan** HEP, ICAN dan MASMED adalah **signifikan** terhadap **aktiviti pembangunan dan kemasyarakatan dalam kalangan pelajar**. KPPIM juga dapat **memperkasakan jaringan strategik** yang melibatkan pelbagai agensi sama ada universiti, badan kerajaan, komuniti tempatan mahupun alumni. Ini dapat dilihat dengan sumbangan daripada alumni dan industri untuk Projek Kongsi Rezeki dan 2P (Peka dan Prihatin).

Ketampakan global ini seterusnya meningkatkan **kebolehpasaran graduan** KPPIM. Hal ini dapat dibuktikan apabila UiTM menjadi antara **universiti pilihan teratas majikan** melalui beberapa bidang utama dari KPPIM iaitu *actuarial science, computing & Information technology, analytics, multimedia, mathematics & statistics* (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.4).

Dari aspek **keusahawanan, kebajikan dan pengurusan pelajar**, perluasan yang telah dibuat adalah melalui dua projek utama iaitu Projek Kongsi Rezeki dan 2P dengan konsep utamanya iaitu “**setiap kesulitan pasti ada jalan penyelesaian**”. Saluran aduan bagi kebajikan pelajar juga turut dihebahkan melalui poster (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.4 dan KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.5).

Selain itu, hebahan program yang telah dijalankan adalah melalui laman sesawang KPPIM, townhall, mesyuarat, bengkel, poster, UiTM Newshub, Media Sosial (Instagram, Facebook, Telegram, Tik Tok) dan emel telah digunakan (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.5). **Pengurusan Pejabat HEP KPPIM** yang **sistematik** telah **diiktiraf** apabila pejabat HEP dianugerahkan sebagai **pejabat dokumentasi terbaik KPPIM pada tahun 2023**.

Komunikasi terbuka antara warga HEP dan pelajar mengenai kebajikan pelajar dan kesihatan

menilai, serta ruang komunikasi bersama Dekan FEF, telah membuka jalan untuk membiina hubungan lebih erat, meningkatkan kepercayaan, dan memastikan suara pelajar didengar. Ini juga membantu mengenal pasti isu pelajar lebih awal, memungkinkan tindakan proaktif untuk menyokong dan memperbaiki pengalaman pelajar di kampus (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [A1722_A01_AB03_20241_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.1.pdf](#)
2. [A1722_A01_AB03_20242_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.2.pdf](#)
3. [A1722_A01_AB03_20243_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.3.pdf](#)
4. [A1722_A01_AB03_20244_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.4.pdf](#)
5. [A1722_A01_AB03_20245_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan objektif pelan strategik kolej tercapai, **sistem pemantauan yang sistematik dan berstruktur** telah dilaksanakan agar program-program di bawah BT yang dijalankan dapat mencapai tahap yang cemerlang. Selain itu, semasa pembentangan PI HEP di mesyuarat JEK yang dipengerusikan oleh PNC, **agenda khas** diberikan kepada Dekan HEP iaitu, apabila beliau diberikan peluang untuk melaporkan sekiranya inisiatif yang dirancang mempunyai masalah. Mesyuarat juga akan membincangkan justifikasi ketidakcapaian PTJ dan **mengenalpasti langkah penambahbaikan dan tindakan susulan** (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.1.1).

Tambahan lagi, **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** yang dilaksanakan pada setiap 6 bulan adalah bagi memantau pencapaian KPPIM dan permasalahan jika sasaran tidak tercapai (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.1.2). Pelaporan adalah dibuat secara manual yang dikawal selia secara dalam talian menggunakan **Google Drive** untuk dianalisis dan dibentangkan di dalam mesyuarat JEK pada setiap bulan. Bagi memantau kualiti kertas kerja pelajar untuk permohonan aktiviti, pihak KPPIM juga mengadakan **Pra Mesyuarat JPAP 2** hingga 3 hari sebelum mesyuarat rasmi. Langkah ini bertujuan memberi peluang kepada ketua projek untuk memperbaiki kertas kerja sebelum ia diserahkan untuk kelulusan (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.1.2).

Aplikasi Simulator Skor digunakan oleh Pengurusan Kanan KPPIM untuk memantau dan menganalisis pencapaian petunjuk prestasi KPPIM. Pada masa yang sama, membantu peneraju projek untuk mengambil tindakan sekiranya PI tidak mencapai sasaran (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.1.3). Pelaporan pencapaian petunjuk prestasi akan dilaporkan oleh PSTU di dalam sistem **UePMO**. Manakala, mesyuarat JEK oleh KPPIM sendiri bagi memantau prestasi PI seterusnya dilaporkan sekiranya berkeperluan (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.1.4).

Pemantauan pencapaian HEP turut dinilai melalui strategi **Wonderer (W), Explorer (E), Tourist (T), dan Conquerer (C)**, serta **model Global Talent BHEP UiTM**. Model ini bertujuan untuk memperkasa pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk bersaing di peringkat global. Inisiatif ini merangkumi Program Pembangunan Kepimpinan, Kemahiran Insaniah (Soft Skills), dan Pengalaman Antarabangsa. Melalui penilaian ini, pelajar berpotensi menjadi mahasiswa cemerlang yang dikenali sebagai **Sought After and Self Sustained Talent** dengan **tagline iconic and impactful**.

Hebahan pencapaian BT Pejabat HEP KPPIM turut dikongsikan di laman sesawang KPPIM, townhall, mesyuarat, bengkel, poster, UiTM Newshub, Media Sosial (Instagram, Facebook, Telegram, Tik Tok) dan emel bagi **menggalakkan penglibatan warga** dalam pencapaian PI BT Pejabat HEP (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.1.5).

SENARAI BUKTI:

1. [A1722_A01_AB04_AC01_20241_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.1.1.pdf](#)
2. [A1722_A01_AB04_AC01_20242_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.1.2.pdf](#)
3. [A1722_A01_AB04_AC01_20243_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.1.3.pdf](#)
4. [A1722_A01_AB04_AC01_20244_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.1.4.pdf](#)
5. [A1722_A01_AB04_AC01_20245_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.1.5.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi memastikan keberkesanan pengukuran analisa BT, risiko hendaklah **dikenalpasti, dinilai, diurus serta ditangani**. Untuk mengelakkan risiko data yang tidak tepat dalam pelaporan, pegawai yang bertanggungjawab harus meneliti setiap risiko dan tindakan kawalan bagi mencapai matlamat KPPIM.

KPPIM menggunakan **strategi pengurusan risiko** yang sejajar dengan Unit Pengurusan Risiko (UPR), UiTM. Setiap pejabat di KPPIM dikehendaki mengenalpasti risiko ketika **bengkel Strategic Action Plan (SAP)**. Kemudian, **UPR telah mengklasifikasikan risiko** kepada enam kategori, dan kebarangkalian risiko ini berlaku serta penilaian impak terhadap manusia, reputasi, kewangan, operasi, dan objektif UiTM juga perlu dikenalpasti (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.2.1).

Setiap risiko yang didaftarkan pada peringkat awal akan dibahaskan dalam **mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR)** yang dipengerusikan oleh PNC. Setiap risiko yang didaftarkan harus mendapat kelulusan pengerusi JPR melalui mesyuarat JPR dan tindakan segera bagi yang memerlukan kelulusan segera melalui mesyuarat JEK. Seterusnya, setiap risiko yang diluluskan di peringkat kolej harus didaftarkan ke dalam sistem risiko UiTM **e-RMS** oleh penyelarasa risiko. Setiap risiko yang telah dikenalpasti dan diluluskan dipantau secara berkala dan dikemaskini tiga kali setahun (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.2.2). Terdapat tiga risiko yang telah dikenalpasti, iaitu **risiko keselamatan data, risiko operasi, dan risiko projek atau kewangan**.

Antara **risiko projek atau kewangan** adalah kegagalan mencapai sasaran penyertaan pelajar. Program yang dilaksanakan melibatkan yuran penyertaan dan pensijilan yang memerlukan kos tinggi. Oleh itu, tindakan susulannya adalah dengan **merendahkan kos** yuran penyertaan pelajar dan mendapatkan *voucher* atau diskaun bagi pensijilan pelajar (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.2.3).

Berkenaan dengan **risiko operasi**, risiko aktiviti pelajar dan risiko pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) telah dikenalpasti. Instrumen Happiness Index dan pemantauan program melalui Google Form telah digunakan namun tidak mendapat maklum balas yang mencukupi. Tindakan susulannya adalah dengan memberi **pemakluman dan peringatan** melalui laman web, emel, serta aplikasi Whatsapp bagi menyebarkan maklumat tersebut (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.2.3).

Bagi **risiko keselamatan data**, iaitu kehilangan data aktiviti pelajar, pelaporan dan dokumen pejabat berkemungkinan akan berlaku akibat pertukaran staf semasa penstrukturan kolej. Tindakan susulannya adalah dengan **pemindahan pengetahuan** antara staf telah dilaksanakan dengan efisien (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.2.3).

Antara risiko lain yang dapat dikenalpasti dapat dilihat melalui lampiran berikut, KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.2.4 dan KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.2.5.

Setiap risiko ini dipantau secara berterusan oleh penyelarasa risiko yang telah dilantik agar risiko dapat ditangani secara menyeluruh.

SENARAI BUKTI :

1. [A1722_A01_AB04_AC02_20241_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.2.1.pdf](#)
2. [A1722_A01_AB04_AC02_20242_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.2.2.pdf](#)
3. [A1722_A01_AB04_AC02_20243_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.2.3.pdf](#)
4. [A1722_A01_AB04_AC02_20244_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.2.4.pdf](#)

5. [A1722_A01_AB04_AC02_20245_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.2.5.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi mengkaji semula pengukuran dan pengetahuan BT KPPIM, pemantauan prestasi pencapaian KPPIM akan dibentangkan pada setiap sukuan tahun sebelum dimajukan dan dianalisa oleh BTU. Data pengukuran yang dikumpulkan melalui pelaporan yang dianalisa juga akan dibentangkan di peringkat pejabat masing-masing sebelum diserahkan kepada Penyelaras PSTU KPPIM. **Tindakan proaktif dan pembedahan** akan diambil oleh Penyelaras PSTU sekiranya sasaran pencapaian belum dicapai melalui tempoh yang ditetapkan. Antara inisiatif yang telah dilakukan adalah melalui **bengkel pensejajaran perancangan strategi dan bengkel tindakan strategi** yang diadakan pada awal setiap tahun (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.3.1).

Setiap kertas kerja bagi program BT Pejabat HEP akan diluluskan di pelbagai peringkat iaitu, **mesyuarat JPAP, mesyuarat JEK dan MPPSM**. Tambahan lagi, pihak KPPIM juga turut mempunyai Pra Mesyuarat JPAP iaitu, 2-3 hari sebelum JPAP dilakukan, hal ini adalah bagi memberi peluang kepada ketua projek untuk menambahbaik kertas kerja sebelum mendapat kelulusan (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.3.2).

Laporan status pencapaian program pula perlu dihantar kepada pejabat HEP **dalam tempoh 14 hari** selepas program tamat di mana pengumpulan data melalui Google Drive akan dibentangkan dalam **mesyuarat JEK** dengan pelaporan di **sistem SmartHEP**. **Laporan Analisa** akan dibincangkan oleh dekan-dekan dan pihak pengurusan tertinggi KPPIM. Tindakan penambahbaikan bagi program yang dilaksanakan dapat dikenal pasti melalui kelemahan dan kelebihan program tertentu dan boleh ditambah baik bagi program yang akan datang (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.3.3).

Bagi meneliti tindakan penambahbaikan setiap program, keberkesanan pengukuran terhadap pencapaian BT dapat dilihat melalui data maklum balas yang dikumpulkan. **Platform Google Form** diaplikasikan bagi mendapatkan maklumbalas terutamanya dalam program yang melibatkan akademik, alumni, komuniti, kebajikan dan kesukarelawanan pelajar, serta OKU pelajar (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.3.4 dan KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.3.5).

Tindakan penambahbaikan bagi program-program yang telah dilaksanakan telah dikaji dan dianalisa melalui rekod, penyimpanan, pelaporan dan pengumpulan data. Hasilnya, melalui **Google Drive HEP dan sistem SmartHEP**, penyimpanan data dapat dilakukan secara **sistematik dan automatik** yang membolehkan **pemantauan dilakukan anytime, anywhere**. Hal ini turut memberi manfaat dan rujukan kepada pihak dalaman dan luaran dalam perkongsian maklumat.

SENARAI BUKTI :

1. [A1722_A01_AB04_AC03_20241_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.3.1.pdf](#)
2. [A1722_A01_AB04_AC03_20242_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.3.2.pdf](#)
3. [A1722_A01_AB04_AC03_20243_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.3.3.pdf](#)
4. [A1722_A01_AB04_AC03_20244_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.3.4.pdf](#)
5. [A1722_A01_AB04_AC03_20245_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.4.3.5.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penganalisaan data yang diukur dan dilaporkan adalah sangat penting bagi memastikan penambahbaikan program yang dilaksanakan dapat dilakukan **secara berterusan dan proaktif**. Melalui program-program yang telah dilaksanakan dan pelaporan yang dibuat melalui sistem seperti **SmartHEP dan Aplikasi Simulator Skor** serta **ahli mesyuarat JPAP, JEK, dan JPR** dapat memastikan pemantauan dapat dilakukan **anytime, anywhere**. Sebagai sistem pusat pengumpulan data, SmartHEP dapat membantu memastikan **pelaporan yang disimpan adalah selamat**, seterusnya **mengurangkan risiko keselamatan dan kerahsiaan data**.

Setelah penambahbaikan dikenalpasti, terutamanya bagi projek utama KPPIM melalui Pejabat HEP KPPIM iaitu Mobiliti Pelajar, Kongsi Rezeki, MDIT x DD 2023, 2P (Prihatin dan Peka), dan pensijilan pelajar, Dekan HEP telah melaksanakan projek khas iaitu **projek 1000 Kejayaan & KPPIM Wall of Fame** (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.5.1). Dengan meletakkan sasaran seramai **1,000 pelajar KPPIM dalam tempoh 5 tahun**, pelajar yang berjaya dalam pertandingan, lulus peperiksaan profesional, dilantik menjadi *ambassador*, kepimpinan atau mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan seiring dengan matlamat UiTM untuk menjadi **Globally Renowned University pada tahun 2025 (GRU2025)** akan **dipaparkan di KPPIM Wall of Fame**. Pengukuran aktiviti pelajar disesuaikan ke dalam model mahasiswa melalui strategi **WTEC** (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.5.2). Implikasi daripada projek khas ini, sebanyak **214 kejayaan pelajar** telah dicapai pada **tahun 2022 dan 2023**. Tambahan lagi, projek 1P1S dilaksanakan sebagai salah satu strategi melalui hubungan erat antara BHEP, ICAN, dan industri dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam kalangan pelajar (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.5.3).

Inovasi KPPIM Wall of Fame yang telah diwujudkan pada tahun 2023 merupakan perintis dalam kalangan kolej dan fakulti di UiTM. Ini dapat dilihat apabila Fakulti Pendidikan mewujudkan **EDU Champions pada tahun 2024** (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.5.4). Inovasi ini telah memaparkan kejayaan pelajar KPPIM selaras dengan hala tuju KPPIM yang menitikberatkan pengurusan dan pembangunan pelajar yang berkualiti dengan berpaksikan kepada **model mahasiswa Sought After and Self Sustained Talent** (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.5.4). Ini adalah langkah penting dalam memperkukuhkan imej KPPIM sebagai institusi yang unggul dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik tetapi juga dalam bidang kemahiran insaniah dan kepimpinan.

Kecekapan staf Pejabat HEP KPPIM diiktiraf apabila **anugerah Star of the Month dan anugerah perkhidmatan cemerlang** diberikan kepada beberapa staf atas perkhidmatan cemerlang di peringkat KPPIM (KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.5.5). Budaya ini menggalakkan semangat usaha warga dan **memberi motivasi** dalam memastikan kecekapan dalam pengurusan dan pembangunan pelajar secara berterusan dilaksanakan.

KPPIM turut memberi **penekanan kepada kolaborasi dengan pihak industri** bagi memastikan graduan yang dihasilkan memenuhi kehendak pasaran kerja. Melalui pelbagai program dan inisiatif, KPPIM berusaha menyediakan pelajar dengan kemahiran yang relevan dan terkini. Ini termasuk program latihan industri, seminar, bengkel, dan kursus yang dirancang dengan kerjasama pihak industri. Pendekatan ini membantu **meningkatkan kebolehpasaran graduan** dan memastikan mereka dapat menyumbang secara efektif kepada pembangunan industri dan ekonomi negara.

Secara keseluruhannya, usaha-usaha yang dilaksanakan oleh KPPIM dalam mengurus dan memantau risiko, **meningkatkan kebolehpasaran graduan**, serta **memperkenalkan inovasi** dalam pengurusan dan pembangunan pelajar menunjukkan komitmen tinggi dalam memastikan keberkesanan dan kecemerlangan institusi. Dengan pendekatan yang proaktif dan berterusan, KPPIM yakin dapat mencapai matlamat untuk menjadi institusi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan menghasilkan graduan yang berdaya saing serta mampu memberi impak positif kepada masyarakat dan negara.

SENARAI BUKTI :

1. [A1722_A01_AB05_20241_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.5.1.pdf](#)
2. [A1722_A01_AB05_20242_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.5.2.pdf](#)
3. [A1722_A01_AB05_20243_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.5.3.pdf](#)
4. [A1722_A01_AB05_20244_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.5.4.pdf](#)
5. [A1722_A01_AB05_20245_KPPIM_Lampiran_Pengukuran_4.5.5.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Sumber manusia adalah nadi utama KPPIM dalam membentuk pengalaman pelajar demi memastikan kejayaan pelajar dalam bidang akademik dan pembangunan diri. Dalam memastikan pengurusan dan pembangunan sumber manusia berada di tahap terbaik dan mencapai keberkesanan, pengurusan KPPIM sentiasa peka dengan melakukan perancangan, pemantauan dan penambahbaikan dari masa ke semasa melalui Pelan Strategik KPPIM 2022-2025.

Satu **model mahasiswa KPPIM telah dicetuskan (Plan)** oleh Dekan (HEP) dengan iaitu **“Sought After and Self Sustained Talent”** dipacu dengan **kelestarian program pembangunan dan kebajikan pelajar** berdasarkan kebolehpasaran graduan dan **Teras Strategik Utama Malaysia Madani** bagi mencapai BT.

Memiliki **warga kerja yang berkualiti, kompeten dan berpengalaman merupakan bonus kepada KPPIM** dalam pengurusan dan pembangunan pelajar. Pengurusan KPPIM juga memastikan staf memahami kehendak dan mampu memmanifestasikan misi dan objektif dengan kata lain **‘making things happen’**.

Elemen persekitaran kerja kondusif dan penglibatan warga kolej pengajian dititikberatkan oleh KPPIM dalam menjayakan Visi, Misi, Nilai UiTM. **Elemen ini membina kebolehan, penyempurnaan kerja dan penglibatan staf dalam urusan pelaksanaan fungsi universiti ke arah tadbir urus tangkas (agile)**. KPPIM pantas menyusun dan sinergikan sumber manusia dengan tagline **“Iconic & Impactful”** melibatkan program staf dan pelajar disebabkan penstrukturan fakulti.

Analisis SWOT dilaksanakan bagi memastikan staf mahir dalam bidang dan pelbagai bidang (multi skilling). Keupayaan staf bergantung kepada komitmen tugas, pusingan kerja, peralatan serta latihan.

- Semakan oleh Ketua Jabatan bagi pencapaian prestasi staf untuk tindakan pemantapan kecekapan
- Menyediakan latihan mengikut kompetensi yang dikenalpasti dan pemilihan latihan staf

Inisiatif baru juga dirancang (Plan) seperti galakkan kepada staf untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan permohonan jawatan pentadbir di luar Kolej Pengajian. Tahun 2023 terdapat 13 orang PhD (pengurusan dan profesional), manakala 1 orang Ijazah Sarjana Muda (pelaksana) sambung pengajian.

Pelaksanaan dan mengelola (Do) sumber manusia di KPPIM dengan mematuhi garis panduan pelaksanaan kerja sentiasa dipraktikkan:

- Penyediaan Sasaran Kerja Tahunan (SKT), Penetapan SKT yang boleh diukur/dinilai dari aspek kualiti, kuantiti, masa dan kos agar staf jelas tentang kerja
- Penganugerahan terhadap kecemerlangan, teguran, nasihat, bimbingan dan amaran

SWOT Analysis di gunakan dalam mengenal pasti **(Check)** kekuatan dan kelemahan staf di samping menimbulkan rasa tanggungjawab dan penambahbaikan kerja, garis panduan. Penyempurnaan kerja staf bergantung kepada keselamatan, keselesaan dan kesejahteraan. Galakan pemeriksaan kesihatan secara berkala di Pusat Kesihatan UiTM, pembaikan bangunan, pematuhan garis panduan.

Inisiatif Pejabat HEP, mewujudkan KPPIM *Wall of Fame* ini **menjadi peneraju utama dalam kalangan kolej dan fakulti di UiTM yang memaparkan kejayaan pelajar KPPIM didalam dan luar negara**. Bagi staf pula penganjuran **Program Memasak Nasi Briyani, Pertandingan Bowling Piala PNC, Program Kongsi Rezeki dan Stand up Corner** dapat membina budaya

kerja seimbang tingkatan kelestarian, rasa prihatin, kualiti kerja, dan rasa kebersamaan warga KPPIM.

***Postmortem* dan pelaporan di bentangkan** dalam mesyuarat utama seperti MJEK, PPSM dan Perancangan Strategik bagi penambahbaikan **berterusan (Act) dijalankan termasuk penambahbaikan proses dan pencapaian sebenar berkaitan Pembangunan dan Pengurusan Pelajar.**

KPPIM menghargai penglibatan dan kesungguhan staf yang sumbang tenaga dan kepakaran dengan pemberian sijil, surat penghargaan, Majlis Apresiasi & Anugerah AAU KPPIM, insentif penyelidikan, serta kelulusan bagi pembentangan kertas kerja, ikut program pelajar dalam dan luar negara.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perkembangan Kolej Pengajian banyak bergantung kepada tiga faktor utama, iaitu strategi, struktur dan budaya di KPPIM penggunaan empat (4) kaedah PDCA (Plan-Do-Check-Act). Strategi dalam konteks inovasi ialah mencari kaedah terbaik untuk mencapai matlamat organisasi. Melaluinya, **usaha membudayakan inovasi dan kreativiti boleh diterapkan dalam kalangan Warga agar setiap pekerja berkebolehan menjana idea baru untuk kesejahteraan Kolej Pengajian bagi mencapai BT yang mendapat 100% PI HEP tahun 2023.**

KPPIM kini dianggotai seramai 349 tenaga kerja yang terdiri daripada 191 staf akademik berkelulusan PhD dan 111 berkelulusan Ijazah Sarjana, dan 47 staf pentadbiran. **Program latihan dan pembangunan staf dilaksanakan secukupnya bagi memastikan staf KPPIM diberi latihan/kemahiran dan peluang untuk peningkatan kerjaya sama ada secara dalaman, menghantar staf mengikuti latihan di organisasi luar/ILD** (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.2.1)

Pihak pengurusan KPPIM telah **memberikan sokongan dan galakan kepada staf akademik khususnya untuk bersedia menawarkan kepakaran mereka sebagai pentadbir akademik, pakar rujuk, perunding dan penasihat di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa.**

Manakala bagi sokongan kepada BT, **Pejabat HEP, KPPIM menganjurkan bengkel pengukuhan staf HEP meliputi penasihat kelab dan persatuan juga diadakan agar penyampaian maklumat, penganjuran program pelajar dan pengendalian urusan melibatkan pelajar dapat diuruskan secara teratur dan efisien.** (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.2.2)

Selain itu, **pemberian ganjaran turut diberikan bagi mencetuskan minat dalam kalangan warga KPPIM dan Staf HEP untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan. Mengekalkan staf berprestasi tinggi merupakan usaha berterusan dilaksanakan oleh KPPIM** Penilaian prestasi yang telus dan adil membantu meningkatkan kompetensi dan mewujudkan budaya kerja cemerlang. **Pengiktirafan dan penghargaan kepada kejayaan staf merupakan usaha KPPIM dalam mengekalkan staf berkhidmat di KPPIM.** Strategi ini diperkukuhkan lagi dengan sokongan **penganjuran Majlis APC, dan Anugerah Apresiasi KPPIM** (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.2.3). KPPIM mewujudkan inisiatif kecemerlangan kesarjanaan pensyarah dan menyediakan peluang pembangunan kerjaya menjawat jawatan tinggi dalam KPPIM, kemahiran dan kompetensi staf pentadbiran dipantau bagi memastikan staf yang berprestasi tinggi dapat dikekalkan dalam sistem KPPIM.

KPPIM juga **menyokong sepenuhnya dan memberi peluang kenaikan pangkat kepada semua staf yang layak memohon.** Semua warga KPPIM diberi peluang untuk memohon kenaikan pangkat apabila memenuhi syarat yang ditetapkan. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.2.4) **Proses kenaikan pangkat yang dirancang, sistematik, telus, dan berkesan.** Bengkel bagi penerangan syarat dan kaedah kenaikan pangkat juga diadakan dalam membimbing staf akademik memohon kenaikan pangkat.

Ini memberi impak kepada kejayaan dalam penganjuran program pembangunan pelajar dan penyampaian perkhidmatan cemerlang di KPPIM. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.2.5)

- **Prestasi & Kompetensi staf**-Penilaian berdasarkan pelaksanaan SKT secara berterusan dan telus (pertemuan bersemuka)
- **Penghasilan kerja**-SKT dan prestasi berdasarkan aspek kuantiti, kualiti kerja, ketepatan masa, dan kos
- **Pengiktirafan kecemerlangan**-Pemberian surat/sijil penghargaan bulanan Star of The Month, penyebaran kejayaan melalui emel rasmi UiTM serta kenyataan akhbar

Pihak KPPIM juga memastikan Pembangunan dan Pengurusan Pelajar merupakan fokus utama

kolej pengajian di mana pihak **Pejabat HEP KPPIM** amat menitikberatkan dalam membangunkan potensi diri pelajar supaya menjadi insan yang dilengkapi dengan unsur-unsur rohani, jasmani, emosi dan intelek seperti yang digariskan oleh Falsafah Pendidikan Negara dan selari dengan Model Winner's Journey WTEC iaitu W (Wonderer), T (Tourist), E (Explorer) dan C (Conqueror) bagi membudayakan bagi kecemerlangan BT. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.2.5).

SENARAI BUKTI:

1. [A1722_S01_SB02_20241_KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.2.1.pdf](#)
2. [A1722_S01_SB02_20242_KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.2.2.pdf](#)
3. [A1722_S01_SB02_20243_KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.2.3.pdf](#)
4. [A1722_S01_SB02_20244_KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.2.4.pdf](#)
5. [A1722_S01_SB02_20245_KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.2.5.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pejabat HEP KPPIM adalah antara bahagian yang penting dalam membantu KPPIM melahirkan graduan yang mempunyai **Kemahiran Insaniah (KI) yang tinggi dan berpersonaliti unggul untuk memenuhi keperluan global**.

Inisiatif **PRIMETEER, SULAM** dan **INTPRIME** dihasilkan berpandukan kepada **dua fungsi terasnya (core business)** iaitu **Pembangunan dan Kepimpinan Pelajar** dan **Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.3.1)**

Konsep libatsama kepakaran dan pengalaman staf untuk mencapai matlamat universiti serta memberi manfaat khususnya pelanggan utama UiTM seperti pelajar, komuniti, dan industri dalam mencapai BT.

Model mahasiswa KPPIM telah dicetuskan oleh Dekan (HEP) dengan tema “**Sought After and Self Sustained Talent**” dipacu oleh **kelestarian pembangunan dan kebajikan pelajar (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.3.2)** berdasarkan kebolehpasaran graduan dan **Teras Strategik Utama Malaysia Madani**. Enam (6) projek utama KPPIM iaitu **1000 Kejayaan @ KPPIM Wall of Fame, Mobiliti Pelajar, Kongsi Rezeki, MDIT x DD 2023, 2P (Peka & Prihatin)** serta **Pensijilan Profesional Pelajar (1P1S)**.

Penggunaan teknologi dan perisian seperti sistem **eMesyuarat, Google Drive, One Drive** agar **penghasilan kerja bersistematik dan mudah di akses**. Penggunaan **Takwim Pelajar, Google Sites** dijadikan rujukan utama kepada pelajar dalam permohonan program (*anytime, anywhere*), menariknya **kepakaran ini datang daripada staf HEP sendiri**. (*KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.3.3*). Mesyuarat Pengurusan HEP, Pentadbiran HEP, Pra JPAP dilaksanakan secara berkala.

Manakala Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Aktiviti Pelajar (JPAP) dilaksanakan mengikut jadual dengan **penekanan kepada kepastan membuat keputusan dan berteraskan nilai untuk wang** atau **value for money** untuk setiap projek mengambil kira kos dan manfaat kitaran hayat yang menyeluruh bagi memastikan penjimatan.

Anugerah utama yang dimenangi oleh Pejabat HEP **tahun 2023** ialah **Anugerah Dokumentasi Terbaik, Anugerah Pencapaian Petunjuk Prestasi (KPI) Universiti, Anugerah Inspirasi Kepimpinan Bestari Hal Ehwal Pelajar, Anugerah MeTIC 2023 (Sumbangan Terkumpul Tabung Alumni Prihatin RM5)** dan **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Star of The Month** membuktikan pencapaian dan pengiktirafan staf HEP.

Mesyuarat PNC bersama warga merupakan **wadah penting** untuk pengurusan KPPIM menyampaikan hasrat pengurusan, pencapaian, hala tuju dan pelan strategik UiTM 2025. Kehadiran 90% staf KPPIM menunjukkan **sokongan kepada pengurusan Eksekutif KPPIM dan tadbir urus baik membuktikan kepakaran & pengalaman staf yang dilantik adalah individu yang responsif dan komited**. (*KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.3.4*)

Pemenang Anugerah *Star of The Month* (Staf Pentadbiran) diberikan ruang dan peluang untuk berkongsi kompetensi dan daya saing sebagai pembakar motivasi dan rujukan staf lain.

Program Pengucapan Awam @ Staf Up Corner yang dibuat khas merupakan inisiatif yang digerakkan oleh Pejabat HEP. **Kecekapan staf Pejabat HEP KPPIM juga diiktiraf** apabila **Sijil Profesional MBOT, Anugerah Star of the Month** dan **APC** diberikan **kepada beberapa staf pada tahun 2023** mencerminkan budaya kerja cemerlang HEP. (*KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.3.5*).

Staf berkelayakan dan mempunyai kepakaran dilantik dalam jawatan Pengurusan Universiti seperti **Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Pengarah (Institut Kepimpinan Pelajar)** dan **Dekan (HEP)** yang dilantik sebagai **jurulatih kokurikulum serta pembangun sistem SmartHEP, Penasihat Kelab**. (*KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.3.5*). Gabungan

kemahiran dan pengetahuan mereka ini sudah pastinya membantu BT.

Staf HEP terlibat dalam **program kesukarelawan** dan projek komuniti seperti **2P (Peka & Prihatin), Kongsi Rezeki, UiTM Inter. Student Mobility@Lombok, Dialog @ University Airlangga, & Inter. Cross-Cultural & Humanitarian Programme (ICCHP23)**, menunjukkan tanggungjawab sosial & impak positif kepada masyarakat di dalam dan luar negara. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [A1722_S01_SB03_20241_KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.3.1.pdf](#)
2. [A1722_S01_SB03_20242_KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.3.2.pdf](#)
3. [A1722_S01_SB03_20243_KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.3.3.pdf](#)
4. [A1722_S01_SB03_20244_KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.3.4.pdf](#)
5. [A1722_S01_SB03_20245_KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengukuran kepuasan pelanggan adalah kunci untuk meningkatkan layanan menjadi lebih baik, efisien, dan efektif. KPPIM sentiasa peka dan prihatin terhadap kebajikan serta aduan staf dan pelajar, memastikan tindakan diambil segera untuk mencapai tahap kepuasan yang cemerlang.

KPPIM mengaplikasikan kaedah pemantauan melalui mesyuarat utama KPPIM iaitu mesyuarat JEK, JAKP, JPAP, PPSM, MKSP dan Mesyuarat Penolong Naib Canselor bersama Warga yang diadakan secara berkala. Pemantauan aktiviti dibuat melalui pelaporan yang dibentangkan dalam mesyuarat tersebut termasuk pelaporan aktiviti staf dan pelajar di dalam mesyuarat JEK. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.1.1). Mesyuarat PPSM melaporkan jam latihan staf yang terlibat dengan program latihan di peringkat dalaman dan luar universiti yang menjurus kepada penglibatan staf. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.1.2)

Staf dan pelajar juga boleh menyalurkan aduan mereka melalui Google Form - e-CARE yang disediakan oleh Pejabat HEP, KPPIM mengandungi rangkaian bagi Aduan Fasiliti, Aduan ICT dan Aduan Am yang diselaras oleh UiTM Shah Alam dan Aduan KPPIM meliputi (kemalangan, kematian) dan diambil tindakan oleh Pejabat Pengurusan Fasiliti Shah Alam. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.1.3)

Pemantauan diperkukuhkan lagi melalui pemantauan terhadap kemudahan fasiliti, perolehan peralatan dan perkhidmatan rangkaian seperti internet/wifi untuk keselesaan staf dan pelajar. Kerja ubahsuai dan naik taraf kemudahan melibatkan bangunan staf dan pelajar juga dilaksanakan antaranya **pembaikan Tandas OKU, laluan pejalan kaki, parkir staf & pelajar, gelanggang sukan dan penggantian karpet, penghawa dingin dan bumbung di KPPIM UiTM Kampus Puncak Perdana** (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.1.4).

Kepuasan pelanggan adalah multidimensi. Pemenuhan kepuasan mempunyai kesan yang berbeza terhadap kepuasan pelanggan. Berdasarkan analisa dan hasil maklum balas staf, **secara keseluruhannya tahap kepuasan hati dan aduan sumber manusia terhadap persekitaran dan sistem kerja adalah berada di tahap yang baik walaupun merupakan tahun pertama penstrukturan fakulti dilaksanakan Kajian Happiness Index 5.0 tahun 2023 menunjukkan indeks kegembiraan KPPIM berada pada tahap baik, iaitu 68%** (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.1.5).

Kepimpinan KPPIM responsif kepada maklum balas dan aduan warganya dan sentiasa berusaha memastikan kepuasan hati staf dipertingkatkan kerana kesan daripada penstrukturan fakulti yang sedikit sebanyak dalam fasa pemantapan tadbir urus, sinergi program dan hubungan antara staf. Di bawah **kepimpinan Dekan (HEP), pelaksanaan komunikasi terbuka dan dua hala menggapai prestasi cemerlang dibawah konsep *anytime, anywhere*** bagi membantu pelajar yang memerlukan bantuan (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.1.5).

SENARAI BUKTI:

1. [A1722_S01_SB04_SC01_20241_KPPIM_Lampiran_Sumber_Manusia_5.4.1.1.pdf](#)
2. [A1722_S01_SB04_SC01_20242_KPPIM_Lampiran_Sumber_Manusia_5.4.1.2.pdf](#)
3. [A1722_S01_SB04_SC01_20243_KPPIM_Lampiran_Sumber_Manusia_5.4.1.3.pdf](#)
4. [A1722_S01_SB04_SC01_20244_KPPIM_Lampiran_Sumber_Manusia_5.4.1.4.pdf](#)
5. [A1722_S01_SB04_SC01_20245_KPPIM_Lampiran_Sumber_Manusia_5.4.1.5.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko merupakan satu proses menyeluruh di mana ia dilaksanakan di semua peringkat UiTM. Ia merangkumi proses mengenal pasti peristiwa yang mungkin atau akan berlaku serta tindakan kawalan yang dilaksanakan agar dapat memberi jaminan munasabah ke arah pencapaian objektif KPPIM **Penubuhan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko KPPIM (MJPR) dan OSHA bertujuan untuk memastikan sistem pengoperasian dan keselamatan KPPIM terutamanya yang melibatkan pengurusan pelajar dan pengurusan sumber manusia dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.** Hasil pemantauan dilaporkan di Mesyuarat Jawatankuasa Daftar Risiko(MJDR) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan(MKSP). (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.2.1).

Pelantikan ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko dikalangan staf pentadbiran dan akademik (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.2.2). Panduan Pengurusan Risiko UiTM telah memberi kekuatan kepada KPPIM bagi menangani cabaran dan risiko dalam melaksanakan sistem kerja dan fungsi jabatan.

Melalui pengurusan risiko, penetapan strategi bagi mencapai objektif dapat dimantapkan dengan mengambil kira risiko-risiko yang boleh menghalang pencapaian strategi.

Risiko sumber manusia merangkumi lantikan Koordinator dan Ketua Unit yang tamat tempoh dan pertukaran tempat bertugas. Ini mengakibatkan gangguan pengoperasian pejabat HEP dan beban tugas dan tugas diluar bidang tugas. Langkah mitigasi diambil oleh Pihak Pengurusan KPPIM dengan membuat penggantian dan bayaran kerja lebih masa (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.2.3)

Proses pengurusan risiko merupakan proses dipraktikkan oleh semua peringkat pengurusan dan sokongan. Ia perlu disemai dan dijadikan sebagai budaya dan praktis dalam pengurusan KPPIM. Dalam usaha untuk memastikan pengurusan risiko KPPIM yang mantap, risiko-risiko perlulah dikenalpasti supaya tindakan kawalan yang berkesan dapat diambil. Adaptasi daripada ISO 31000:2009.

Tindakan pembetulan berterusan diambil terhadap aduan dan ketidakpuasan hati daripada kalangan staf dan pelajar mengenai kemudahan fasiliti dan sistem kerja. (Audit Dalam dan Luar) seperti MBOT, Audit Penstrukturan). Aduan dibuat melalui borang e-Aduan UiTM, eAduan Fasiliti UiTM, eAduan ICT UiTM dan eCARE HEP KPPIM. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.2.4). **Pihak Pengurusan KPPIM, Pejabat HEP sentiasa turun padang dan libat sama Dekan (HEP) dan Ketua Unit HEP yang sentiasa peka dalam menyelesaikan sesuatu kes keselamatan pelajar.**

Pengurusan dan Pengendalian Risiko KPPIM yang tersusun berlaku setiap 6 bulan bagi mengenalpasti dan menyenaraikan risiko di peringkat strategik dan operasi untuk dinilai, disediakan mekanisme kawalan dan pengendalian dalam jangka panjang agar tidak menjejaskan pencapaian operasi perkhidmatan, objektif dan inisiatif strategik KPPIM (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.2.5).

SENARAI BUKTI :

1. [A1722_S01_SB04_SC02_20241_KPPIM_Lampiran_Sumber_Manusia_5.4.2.1.pdf](#)
2. [A1722_S01_SB04_SC02_20242_KPPIM_Lampiran_Sumber_Manusia_5.4.2.2.pdf](#)
3. [A1722_S01_SB04_SC02_20243_KPPIM_Lampiran_Sumber_Manusia_5.4.2.3.pdf](#)
4. [A1722_S01_SB04_SC02_20244_KPPIM_Lampiran_Sumber_Manusia_5.4.2.4.pdf](#)
5. [A1722_S01_SB04_SC02_20245_KPPIM_Lampiran_Sumber_Manusia_5.4.2.5.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Proses mengkaji semula secara berkala di KPPIM dibuat melalui bengkel Perancangan Strategik KPPIM yang diadakan pada setiap tahun. Bengkel ini membincangkan **SWOT Analysis pencapaian KPPIM secara menyeluruh** melibatkan semua pejabat dan unit seperti HEA, HEP, Pejabat Pentadbiran, P&I, ICAN dan *Business Development Unit (BDU)*, Unit Korporat, Unit Kualiti. Fokus utama dalam **SWOT** adalah mengenalpasti **PI, sinergi program, merancang dan menggariskan pengoptimuman sumber kewangan, kompetensi staf, pembangunan pelajar dan ruang bagi KPPIM dengan lebih efektif & efisien.**

Dapatan daripada bengkel yang diperincikan akan di analisis pencapaian prestasi strategi yang **disemak semula membolehkan cadangan penambahbaikan dilakukan setelah menilai kekuatan, kekurangan, peluang dan juga risiko yang bakal dihadapi.**

(KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.3.1).

Kepimpinan Pengurusan Eksekutif KPPIM akan memaklumkan sebarang penambahbaikan kepada Ketua-ketua Bahagian/Unit mengenai dapatan atau saranan yang diperoleh semasa menghadiri mesyuarat-mesyuarat utama di peringkat kolej.

(KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.3.2).

Di peringkat **Pejabat Hal Ehwal Pelajar aduan, saranan dan cadangan yang diterima akan diambil tindakan dalam kadar segera bagi memberikan keselesaan dan kesejahteraan kepada para pelajar.** Diantara tindakan dan penambahbaikan yang dilaksanakan pada tahun 2023. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.3.3).

Tanpa kesihatan fizikal, mental dan emosi, segala teknologi dan ilmu yang ada sukar untuk diaplikasikan dengan baik. Pengurusan sumber manusia harus memastikan staf memberikan perhatian untuk menyeimbangkan keperluan fizikal, mental dan emosi setiap staf.

Jawatankuasa Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) di Kolej Pengajian adalah bertanggungjawab dalam pengurusan latihan staf termasuk mengenalpasti dan merancang keperluan latihan yang akan menjurus kepada pencapaian PI Universiti dan Pelan Perancangan Strategik UiTM (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.3.4)

Dalam memastikan warga mempunyai kesihatan fizikal yang baik, **Pejabat HEP KPPIM mewujudkan Kelab Rekreasi Staf yang mengfokuskan aktiviti riadah selepas waktu kerja seperti permainan badminton, futsal dan bowling,** di mana sambutan amat menggalakkan daripada staf pentadbiran dan akademik. Selain itu juga **penganjuran program Family Day di kalangan staf HEP** bagi meningkatkan kegembiraan dan semangat keserakanan turut diadakan. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.4.3.5)

SENARAI BUKTI :

1. [A1722_S01_SB04_SC03_20241_KPPIM_Lampiran_Sumber_Manusia_5.4.3.1.pdf](#)
2. [A1722_S01_SB04_SC03_20242_KPPIM_Lampiran_Sumber_Manusia_5.4.3.2.pdf](#)
3. [A1722_S01_SB04_SC03_20243_KPPIM_Lampiran_Sumber_Manusia_5.4.3.3.pdf](#)
4. [A1722_S01_SB04_SC03_20244_Bukti_Sumber_Manusia_5.4.3.4.pdf](#)
5. [A1722_S01_SB04_SC03_20245_Bukti_Sumber_Manusia_5.4.3.5.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan KPPIM dan Pejabat HEP menggalakkan pembangunan inovasi dan kreativiti untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja di Kolej Pengajian. Berikut adalah beberapa inisiatif dan inovasi yang dilaksanakan pada tahun 2023:

- 1. Stand-Up Corner (Star of The Month):** Inisiatif ini diilhamkan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Kolej Pengajian Bil. 11/2023 pada 8 November 2023. **Program ini memberi peluang kepada penerima Anugerah Star of The Month (Kategori Staf Pentadbiran) untuk berkongsi kompetensi mereka, yang akan dibukukan sebagai rujukan dan motivasi.** Program ini memastikan setiap staf memperoleh pendedahan kepada ilmu dan pengetahuan secara khusus bagi **meningkatkan kemahiran dan kompetensi mereka dalam melaksanakan tugas dan tanggung jawab.** (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.5.1).
- 2. Bicara Pengucapan Awam “KPPIM Love Notes”:** Program ini, yang berkonsepkan Stand-Up Corner, **mengasah bakat komunikasi pelajar melalui pengucapan awam.** Tujuannya adalah memperkukuh identiti pelajar, memupuk kecintaan terhadap KPPIM, serta memberikan motivasi dan inspirasi untuk kejayaan dalam pengajian dan menempuh alam pekerjaan (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.5.2).
- 3. 1 Pelajar 1 Sijil Profesional (1P1S):** Pejabat HEP KPPIM menggalakkan pelajar untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan menyertai pertandingan, dan mengikuti kursus persijilan profesional. **Pejabat HEP KPPIM menyediakan peluang dan bimbingan untuk memajukan kemahiran insaniah dan mempersiapkan mereka untuk mencapai kejayaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, melalui strategi 1 Pelajar 1 Sijil Profesional (1P1S).** (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.5.3).
- 4. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) & Apresiasi KPPIM:** Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan penghargaan berbentuk ganjaran dan pengiktirafan kepada warga yang mempamerkan prestasi cemerlang setiap tahun. KPPIM **memberi penghargaan kepada warga yang menunjukkan prestasi cemerlang setiap tahun melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Apresiasi KPPIM.** Pengiktirafan ini mencerminkan darjah kecermerlangan dan bermutu tinggi terhadap hasil kerja yang dipamerkan oleh staf. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.5.4).
- 5. Sebarluaskan Maklumat:** **Kejayaan staf dan pelajar diwar-warkan melalui media sosial seperti Facebook, Instagram, Telegram, TikTok, dan WhatsApp.** Unit Korporat KPPIM menguruskan poster kejayaan staf, manakala Pejabat HEP KPPIM menguruskan poster kejayaan pelajar, menjadikan ini sebagai motivasi untuk kejayaan lebih lanjut. Penyebaran maklumat ini menjadikan perkongsian maklumat dapat dilakukan dengan pantas dan diikuti oleh warga tentang kejayaan yang dicapai oleh pelajar dan staf. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.5.5).

6. Amalan ESI IDART & Sahsiah Rupa Diri Pelajar:

Pejabat HEP KPPIM telah melantik Pihak Berkuasa Tatatertib HEP (pelantikan daripada Naib Canselor UiTM) untuk memastikan tatatertib pelajar kerana tiada Jawatankuasa Tatatertib Pelajar dalam Tadbir Urus Pengoperasian Kolej Pengajian UiTM. Kempen dan *spot check* berkala dilaksanakan untuk memastikan keselamatan dan sahsiah rupa diri pelajar selaras dengan etika berpakaian dan sahsiah rupa diri pelajar. Pelajar yang tidak mematuhi SRD yang ditetapkan boleh diambil tindakan amaran atau kompaun tidak melebihi RM50.00 mengikut Kaedah 26A, Bahagian II, Jadual Kedua, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 [Akta 174]. (KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.5.5).

SENARAI BUKTI :

1. [A1722_S01_SB05_20241_KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.5.1.pdf](#)
2. [A1722_S01_SB05_20242_KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.5.2.pdf](#)
3. [A1722_S01_SB05_20243_KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.5.3.pdf](#)
4. [A1722_S01_SB05_20244_KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.5.4.pdf](#)
5. [A1722_S01_SB05_20245_KPPIM_Lampiran_Sumber Manusia_5.5.5.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

OPERASI SISTEMATIK KPPIM KE ARAH *GLOBALLY RENOWNED UNIVERSITY*

Untuk menjadi ***Globally Renowned University menjelang 2025***, pengurusan operasi yang sistematik berdasarkan amalan kerja berkualiti telah diamalkan oleh KPPIM. Berlandaskan model mahasiswa KPPIM dengan tema ***Sought After and Self Sustained Talent***, HEP KPPIM telah merencana agenda keberhasilan pencapaian yang menumpukan kepada 3 operasi utama iaitu **pembangunan pelajar dalam akademik, kepimpinan dan pembangunan pelajar dan kesejahteraan dan kebajikan pelajar**.

Operasi berkaitan **pembangunan pelajar dalam akademik** dilaksanakan merujuk kepada Peraturan, Garis Panduan dan Manual Hal Ehwal Akademik UiTM. Proses ini diperkemas dengan prosedur yang lebih terperinci iaitu Prosedur Operasi dan Pengurusan Pejabat HEA&A KPPIM. Manakala, semua proses bagi **kepimpinan dan pembangunan pelajar** serta **kesejahteraan dan kebajikan pelajar** dijalankan mengikut Garis Panduan dan Prosedur Hal Ehwal Pelajar UiTM. Proses ditambahbaik dengan prosedur yang lebih terperinci iaitu Prosedur Operasi dan Pengurusan HEP KPPIM dan Manual Kualiti KPPIM (ISO 9001:2015).

Semua aktiviti pelajar **dirancang** secara bersasar bagi mencapai petunjuk prestasi dalam **Pelan Tindakan Strategik (SAP)** dan memenuhi keperluan inisiatif iaitu **SULAM, INTPRIME dan PRIMETEER**. HEP mengenalpasti aktiviti/pertandingan yang sesuai untuk pelajar, memastikan **pelaksanaan** mengikut prosedur untuk mencapai dan menambahbaik kualiti aktiviti serta mencapai objektif operasi. Program kepimpinan dan pembangunan pelajar dirancang dan dipantau secara berkala melalui pelaporan dan analisis prestasi. Kebajikan pelajar diuruskan melalui garis panduan, semakan permohonan dan pemantauan penggunaan sumber. KPPIM **menyebarkan operasi** melalui mesyuarat pengurusan dalaman dan platform komunikasi digital.

Pemantauan operasi dilakukan melalui pelbagai saluran termasuk Pra Mesyuarat JPAP, pangkalan data HEP KPPIM, Aplikasi Simulator Skor dan Sistem Smart HEP. Maklum balas dua hala digunakan untuk menilai kepuasan pelajar dan pihak berkepentingan, manakala prestasi akademik dipantau melalui laporan CDL-CQI dan laporan Latihan Industri.

KPPIM turut melaksanakan **pengurusan risiko** berasaskan Standard QMS ISO 9001:2015, di mana Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR) bertanggungjawab mengenal pasti, mengkaji risiko dan mencadangkan tindakan mitigasi. Mesyuarat JPR menjadi wadah untuk membudayakan pengurusan risiko secara berterusan.

Bagi mengenal pasti aspek peningkatan kualiti, KPPIM menjalankan **analisis tumpuan operasi** melalui bengkel Kaji Semula Operasi yang melibatkan pelbagai aspek seperti operasi akademik, pengantarabangsaan, kebolehpasaran, keusahawanan, kebajikan dan kepuasan pelajar. Berdasarkan laporan dan analisis output program, **tindakan pembetulan dan penambahbaikan** dikemukakan dan dibincangkan dalam mesyuarat. Inisiatif strategik dikenalpasti untuk mencapai hasil operasi yang maksimum, termasuk program penambahbaikan aktiviti pelajar, program pemantauan pensyarah, pengkajian semula kurikulum, program pengantarabangsaan dan sokongan infrastruktur untuk pelajar.

KPPIM komited **membudayakan amalan terbaik** melalui penambahbaikan berterusan dan inovasi untuk pengurusan dan pembangunan pelajar. Kerjasama antarabangsa melalui MoU, penggunaan teknologi seperti QR Code dan Sistem Smart HEP, serta inisiatif seperti *Student Lounge* dan Sudut Keusahawanan meningkatkan kecekapan dan interaksi. Projek kebajikan seperti Kongsi Rezeki memupuk semangat komuniti, manakala sistem pengurusan berpusat dan penguatkuasaan sahshiah rupa diri memperkuat disiplin dan integriti.

KPPIM juga menekankan **penjimatan masa dan kos** dalam setiap langkah strategik, yang

mempolienkan sumber digunakan dengan lebih bijak, seterusnya **mengoptimumkan produktiviti** dan **keberkesanan operasi universiti**. Melalui inisiatif ini, KPPIM komited untuk meningkatkan kualiti operasi dan menyokong visi UiTM menjadi ***Globally Renowned University***. Pendekatan yang lebih efisien dan inovatif membolehkan KPPIM mencapai kecemerlangan menyeluruh dalam semua bidang operasi.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

A. Pembangunan Pelajar dalam Akademik

Operasi berkaitan pembangunan pelajar dalam akademik diselia oleh **Pejabat Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (HEA&A)**. Semua proses yang dilaksanakan merujuk kepada **Peraturan, Garis Panduan dan Manual Hal Ehwal Akademik UiTM**. Proses ini diperkemas dengan prosedur yang lebih terperinci hasil **inovasi** Pejabat HEA&A KPPIM iaitu **Prosedur Operasi dan Pengurusan Pejabat HEA&A KPPIM**. Sesi **Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)** yang dijalankan **dirancang dengan teliti dan teratur** dengan melibatkan peranan penting bahagian pengurusan fasiliti, perpustakaan dan pentadbiran. Bahagian pengurusan fasiliti bertanggungjawab menyediakan dan menyelenggara kemudahan fizikal yang **konduusif** untuk PdP. Bahagian perpustakaan menyediakan akses kepada sumber rujukan yang **komprehensif dan relevan** dengan kurikulum. Manakala, bahagian pentadbiran pula memastikan kelancaran operasi harian dan penyelarasan antara kolej pengajian dan pelajar, serta menguruskan sistem maklum balas dan penilaian untuk **penambahbaikan berterusan (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.2.1)**.

Pejabat HEP memainkan peranan utama dalam merancang dan melaksanakan inisiatif strategik bagi BT. Dasar, peraturan dan garis panduan UiTM telah dirujuk untuk memastikan objektif HEP tercapai. Semua proses dijalankan mengikut **Garis Panduan dan Prosedur Hal Ehwal Pelajar UiTM**. Ia juga selari dengan **Pelan Perancangan Strategik BHEP UiTM 2020-2025**. Proses ditambahbaik dengan prosedur yang lebih terperinci hasil **inovasi** dari Pejabat HEP KPPIM iaitu **Prosedur Operasi dan Pengurusan HEP KPPIM dan Manual Kualiti KPPIM (ISO 9001:2015)**. **Perancangan sistematik** bagi proses-proses utama dalam operasi HEP ini **sentiasa dipantau, dikaji semula dan ditambahbaik** melalui mesyuarat dalaman. Proses-proses utama ini yang mendukung BT sentiasa diukur keberkesanannya dengan mengambil kira elemen inovasi dan dibahagikan kepada dua iaitu **(KPPIM_Lampiran_Operasi_6.2.2)**:

B. Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar

Dengan menggunakan pendekatan **PDCA**, **perancangan** untuk program kepimpinan dan pembangunan pelajar diselaraskan dengan hala tuju universiti. KPPIM menggunakan pendekatan bersepadu dan inovatif bagi memastikan keberhasilan ***Sought After and Self Sustained Talent***. Aktiviti dan program yang disertai oleh pelajar **dikenalpasti melalui sesi retreat, bengkel dan mesyuarat dalaman** berdasarkan data sedia ada. Proses pelaksanaannya berteraskan kepada keseimbangan dan kesepaduan dari segi **jasmani (J), emosi (E), rohani (R), sosial (S) dan intelek (I)** yang dikenali sebagai **JERSI**. Pelajar berpotensi diberikan **latihan intensif** bagi penglibatan pelajar dalam aktiviti dan pertandingan di **peringkat universiti, negeri, kebangsaan dan antarabangsa**. Pihak Pengurusan KPPIM memberi keutamaan kepada aktiviti ini dengan memberi sokongan padu dalam aspek kewangan termasuk kelulusan peruntukan untuk memastikan kejayaan operasi ini **(KPPIM_Lampiran_Operasi_6.2.3)**.

C. Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar

Perancangan kesejahteraan dan kebajikan pelajar dilakukan secara sistematik memfokuskan kepada tiga elemen iaitu **penilaian sistem pengurusan pelajar, pelaksanaan perkhidmatan sokongan dan penambahbaikan berterusan**. Penilaian sistem pengurusan melibatkan analisis maklum balas pelajar, tinjauan, temu bual dan perbincangan kumpulan fokus. Pelaksanaan perkhidmatan sokongan menekankan reka bentuk program kesejahteraan untuk kesihatan mental, fizikal dan sosial pelajar, serta sistem sokongan untuk isu-isu akademik dan kesihatan. Penambahbaikan berterusan melibatkan pemantauan berkala, pengumpulan maklum balas berterusan dan mengenal pasti keperluan baharu **(KPPIM_Lampiran_Operasi_6.2.4)**.

Strategi merealisasikan kecemerlangan pelajar dalam semua aspek diadaptasi dari **Model**

Winner's Journey WTEC iaitu **W (Wonderer)**, **T (Tourist)**, **E (Explorer)** dan **C (Conqueror)** diatur untuk menyokong semua proses utama (**KPPIM_Lampiran_Operasi_6.2.5**). Dengan pendekatan ini, setiap proses utama dalam HEP dilaksanakan secara **sistematik**, dengan penekanan pada **penilaian, penambahbaikan dan inovasi** untuk memastikan **kejayaan dan kecemerlangan** dalam BT.

SENARAI BUKTI:

1. [A1722_O01_OB02_20241_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.2.1.pdf](#)
2. [A1722_O01_OB02_20242_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.2.2.pdf](#)
3. [A1722_O01_OB02_20243_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.2.3.pdf](#)
4. [A1722_O01_OB02_20244_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.2.4.pdf](#)
5. [A1722_O01_OB02_20245_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.2.5.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Penerapan model PDCA dalam tiga proses utama iaitu:

A. Pembangunan Pelajar dalam Akademik

Untuk merealisasikan keberhasilan pencapaian pelajar dalam akademik, Pejabat HEA&A KPPIM **bertanggungjawab** menetapkan objektif akademik, strategi pengajaran dan penyediaan sumber. **Perancangan** dilakukan bersama Ketua Pusat Pengajian dan staf sokongan melalui sesi retreat perancangan strategik dan mesyuarat JAKP. Program seperti Klinik Bimbingan Kursus **dilaksanakan** untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Pencapaian akademik pelajar **dipantau secara teratur** melalui **pelaporan CDL-CQI** yang dibentangkan dalam Mesyuarat JAKP. Pemantauan berterusan ini memastikan bahawa objektif yang ditetapkan tercapai. Berdasarkan hasil pemantauan, **tindakan pembedahan dan penambahbaikan** dibuat melalui mesyuarat di peringkat pusat pengajian untuk memastikan peningkatan berterusan dalam pencapaian akademik pelajar (**KPPIM_Lampiran_Operasi_6.3.1**).

B. Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar

Perancangan bagi semua aktiviti berkaitan pelajar dibuat di dalam **Bengkel Pelan Tindakan Strategik (SAP)** pada setiap permulaan tahun bagi mengenalpasti program yang akan dijalankan sepanjang tahun. Perancangan tersebut dijadikan sebagai landasan kepada Petunjuk Prestasi Utama melalui penggunaan **Aplikasi Simulator Skor** bagi **pelaksanaan** semua program yang akan dijalankan. Semua program juga dilaksanakan berpandukan SAP melalui inisiatif **SULAM, INTPRIME dan PRIMETEER**. Projek-projek serta aktiviti/pertandingan tumpuan dan sasaran yang bersesuaian untuk disertai oleh pelajar dipastikan mengikut **prosedur** yang telah ditetapkan. Ini adalah untuk mencapai, mengekalkan dan menambahbaik kualiti aktiviti yang disertai serta memastikan hasil pencapaian selaras dengan objektif operasi. **Pemantauan** pencapaian setiap program dibuat secara teratur melalui pelaporan yang dibentangkan dalam sesi mesyuarat JPAP dan JEK yang dijalankan secara berkala oleh pegawai bertanggungjawab. Hasil daripada pelaporan, dapatan dari sesi post-mortem dan analisis dari output pencapaian setiap program, **tindakan pembedahan dan penambahbaikan** dikemukakan. Semua tindakan susulan ini akan dibincangkan dan diputuskan dalam mesyuarat unit, bahagian dan pengurusan atasan (**KPPIM_Lampiran_Operasi_6.3.2**).

C. Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar

Pada peringkat **perancangan**, HEP akan mengenalpasti keperluan pelajar, menyediakan garis panduan dan prosedur permohonan yang jelas, serta mengkaji keupayaan dan sumber yang ada untuk memenuhi keperluan tersebut. Ini termasuk menetapkan syarat-syarat permohonan, had peruntukan dan kriteria kelayakan bagi semua aktiviti. Pada peringkat **pelaksanaan**, HEP akan menyediakan saluran permohonan yang efisien. Pelajar yang memenuhi syarat akan mengisi borang permohonan, menyediakan dokumen sokongan dan mengemukakan permohonan mereka. Seterusnya pada peringkat **semakan**, HEP akan menyemak dan menilai setiap permohonan dengan teliti berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Proses ini melibatkan pengesahan maklumat, penilaian kelayakan dan temuduga. Akhir sekali, pada peringkat **tindakan**, HEP akan membuat keputusan terhadap permohonan, sama ada meluluskan, menolak atau meminta maklumat tambahan. HEP juga akan memantau penggunaan sumber dan kemudahan, serta mengkaji semula kriteria dan prosedur secara berkala untuk **penambahbaikan** di masa hadapan (**KPPIM_Lampiran_Operasi_6.3.3**).

Semua proses utama ini berjaya melahirkan *Ambassador Program* dengan syarikat antarabangsa yang melatih pelajar dari aspek **pemeriksaan dalam kepimpinan dan pengurusan**. Di peringkat antarabangsa, KPPIM terlibat dalam **inisiatif pengantarabangsaan** melalui penganjuran webinar dan pemeeteraian MoU dan MoA dengan industri serta universiti

antarabangsa. KPPIM menyebarkan operasi melalui mesyuarat pengurusan dalaman dan platform komunikasi digital. Di peringkat UiTM dan kebangsaan, Google Site HEP KPPIM, UiTM News Hub dan YouTube dimanfaatkan untuk perkongsian berita dan informasi (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.3.4).

Melalui penerapan model PDCA secara sistematik, KPPIM memastikan setiap proses utama dijalankan dengan cekap dan berkesan bagi menyokong kecemerlangan dalam BT (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [A1722_O01_OB03_20241_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.3.1.pdf](#)
2. [A1722_O01_OB03_20242_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.3.2.pdf](#)
3. [A1722_O01_OB03_20243_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.3.3.pdf](#)
4. [A1722_O01_OB03_20244_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.3.4.pdf](#)
5. [A1722_O01_OB03_20245_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pihak pengurusan KPPIM sentiasa memastikan semua operasi aktiviti **disemak** dan **dipantau** dengan menjalankan **pemantauan bersepadu** dan **berterusan secara berkala** terhadap pelaksanaan beberapa inisiatif strategik utama. Pemantauan ini melibatkan peningkatan pencapaian pelajar bagi pembangunan pelajar dalam akademik, kepimpinan dan pembangunan pelajar dan kesejahteraan dan kebajikan pelajar. Proses ini ditambahbaik hasil **inovasi** dari Pejabat HEP KPPIM melalui Pra Mesyuarat JPAP, pangkalan data HEP KPPIM, Aplikasi Simulator Skor, Sistem Smart HEP dan sistem maklum balas dua hala.

Bermula dengan **Pra Mesyuarat JPAP** yang dijalankan setiap bulan untuk memastikan matlamat, implikasi, objektif, perjalanan setiap cadangan program bersesuaian serta memberikan manfaat maksimum kepada pelajar, universiti, industri luar dan komuniti setempat. Melalui mesyuarat ini, semakan dan tapisan awal bagi penambahbaikan kertas kerja dibuat supaya memenuhi **objektif 2I (Iconic and Impactful)** dan **penjimatan** selaras dengan dasar universiti. Selepas Pra Mesyuarat JPAP, pemohon diberikan tempoh masa untuk memurnikan kertas kerja sebelum dibawa ke Mesyuarat JPAP. (**KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.1.1**).

Pegawai HEP KPPIM dipertanggungjawabkan untuk **memantau** setiap aktiviti dengan menghadiri dan terlibat secara aktif untuk **menilai pencapaian objektif, mengenal pasti cabaran dan mendapatkan maklum balas menyeluruh** daripada pelajar serta pihak luar. Ini termasuk **mengkaji prestasi akademik pelajar** yang terlibat dalam aktiviti kepimpinan, **mengukur impak** program sukarela, **memantau pencapaian** dan dana keusahawanan serta **pencapaian acara sukan**. Proses pemantauan dilaksanakan melalui **pelaporan aktiviti** yang dibuat dan dikumpulkan di **pangkalan data HEP KPPIM**. Penggunaan **Aplikasi Simulator Skor** dan **Sistem Smart HEP** juga dimanfaatkan sebagai inisiatif bagi memantau hasil jangkaan terhadap pelaksanaan objektif BT (**KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.1.2**).

Sistem maklum balas dua hala dibangunkan bagi setiap program yang dijalankan untuk mendapat dapatan mengenai **tingkat kepuasan pelajar** dan pihak berkepentingan yang terlibat seperti **alumni, komuniti dan industri** (**KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.1.3**). Ini membantu pengenalpastian aspek yang perlu dipertingkatkan. **Pelaporan** yang dibuat akan dibentangkan di **Mesyuarat JPAP** untuk menilai pencapaian objektif, cabaran dan langkah penambahbaikan (**KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.1.4**). Disamping itu, prestasi akademik pelajar dipantau melalui **pelaporan CDL-CQI** di dalam **Mesyuarat Peperiksaan JAKP** dan juga laporan **Latihan Industri** (**KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.1.5**).

Selain dari memastikan program dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, program yang dijalankan perlu dipastikan agar pencapaian pelajar dalam bidang berkenaan dapat dikekalkan dan dioptimumkan demi masa hadapan pelajar serta kemajuan institusi.

SENARAI BUKTI:

1. [A1722_O01_OB04_OC01_20241_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.1.1.pdf](#)
2. [A1722_O01_OB04_OC01_20242_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.1.2.pdf](#)
3. [A1722_O01_OB04_OC01_20243_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.1.3.pdf](#)
4. [A1722_O01_OB04_OC01_20244_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.1.4.pdf](#)
5. [A1722_O01_OB04_OC01_20245_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.1.5.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengoperasian pengurusan risiko adalah proses penting yang perlu dilaksanakan secara sistematik untuk mendaftar, menilai dan memantau risiko yang dikenalpasti selaras dengan objektif UiTM. Kerangka pengurusan risiko adalah berdasarkan **Standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015** dan **Prosedur Pengurusan Risiko KPPIM (PK.UiTM.KPPIM.01) (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.2.1)**.

Pelaksanaan rangka kerja pengurusan risiko KPPIM yang berpandukan kepada Pusat Pengurusan Risiko (PPR) diperkasakan dengan lantikan **Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR)** dimana keahliannya terdiri daripada Penolong Naib Canselor yang bertindak selaku pengerusi dan dekan (Akademik dan Antarabangsa) selaku pengerusi ganti. Manakala, semua dekan, ketua pentadbiran, ketua Unit Kualiti dan Strategi, wakil jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan sebagai ahli dan staf pentadbiran berperanan sebagai urusetia. Ahli JPR bertanggungjawab untuk mengenalpasti risiko, mengkaji semula dan mengesyorkan tindakan mitigasi berdasarkan **carta alir operasi pengurusan risiko UiTM**. Dengan cadangan daripada PTJ, seorang penyelaras risiko (PR) dilantik di peringkat UiTM sebagai setiausaha yang berperanan untuk memastikan **pembudayaan risiko secara aktif** berlaku di PTJ. PR juga perlu mengkoordinasi mesyuarat JPR dan bengkel berkaitan, memberikan nasihat kepada PTJ mengenai pelaksanaan pengurusan risiko secara berterusan dan **amalan terbaik pengurusan risiko (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.2.2)**.

Seterusnya, **pelaporan risiko** yang dikenalpasti dan langkah kawalan yang dicadangkan akan dibentangkan oleh PR dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko (MJPR)** yang diadakan sekurang-kurangnya 3 kali setahun mengikut tarikh akhir kemaskini yang ditetapkan oleh PPR dan juga **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** yang diadakan dua kali setahun. Setelah semua dapatan berkaitan risiko diluluskan dalam MJPR, senarai risiko baharu akan **didaftarkan**, manakala risiko sedia ada akan **dikemaskini** ke dalam sistem pelaporan daftar risiko **Risk Management System (e-RMS)** untuk rekod setiap PTJ. **Analisis risiko strategik** juga dilakukan semasa perancangan strategik diadakan dan seterusnya **penilaian dan pemantauan risiko strategik** dilaksanakan bersama dengan **pemantauan pencapaian strategik secara berkala (KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.2.3)**.

Pada tahun 2023, tiada risiko berkaitan HEP yang didaftarkan, ini adalah kerana proses pembaikan telah diambil dengan lebih awal melalui hasil pemantauan berterusan daripada laporan risiko 2022. Sebagai contoh, bagi risiko berkaitan kekurangan dan ketiadaan fasiliti OKU dan fasiliti kecemasan, **tindakan mitigasi** telah dibuat dengan menyediakan tandas OKU, kerusi roda, peti kecemasan dan laluan pejalan kaki bagi OKU dan parkir OKU yang ditambahbaik (**KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.2.4 & KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.2.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [A1722_O01_OB04_OC02_20241_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.2.1.pdf](#)
2. [A1722_O01_OB04_OC02_20242_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.2.2.pdf](#)
3. [A1722_O01_OB04_OC02_20243_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.2.3.pdf](#)
4. [A1722_O01_OB04_OC02_20244_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.2.4.pdf](#)
5. [A1722_O01_OB04_OC02_20245_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.2.5.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

HEP KPPIM menjalankan **analisis tumpuan operasi** bagi mengenal pasti **aspek peningkatan kualiti secara berkala**. **Bengkel Pengukuhan dan Pemantapan HEP KPPIM** diadakan bagi menganalisa operasi-operasi yang telah dijalankan ke atas beberapa bidang utama iaitu akademik pelajar, pengantarabangsaan pelajar, kebolehpasaran pelajar, keusahawanan pelajar, kebajikan pelajar dan kepuasan hati pelajar. Data dari **audit dalam, audit luar dan Mesyuarat JPAP, MKSP (bagi agenda aduan) dan Moderator Aduan** adalah rujukan utama yang diambil kira dalam perbincangan penambahbaikan (**KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.3.1**).

Daripada analisis yang dijalankan, **penambahbaikan** dikenal pasti termasuk meningkatkan **pencapaian PI 100% dengan lebih awal**. Untuk **aspek akademik**, ruang untuk **meningkatkan pencapaian pelajar** dalam subjek-subjek teras khususnya akan diberi penekanan. Bagi **pengantarabangsaan** pelajar, program **penyambutan** dan **sokongan** akan **diperkukuhkan** seiring dengan keperluan semasa. Manakala untuk aspek **kebolehpasaran** adalah menjadi target utama untuk melengkapkan graduan dengan **kemahiran yang lebih relevan** mengikut teknologi semasa (**KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.3.2**).

Inisiatif-inisiatif berimpak dikenalpasti dan dicadangkan bagi mendapatkan hasil operasi yang **lebih maksimum**. Antaranya ialah melaksanakan program **pemantauan pensyarah** seperti pemantauan **Profesionalisma Pensyarah (PRO-PENS), Teaching Effectiveness Index (TEX) dan Student Feedback Online (SuFO)** yang **lebih berimpak, berintegriti dan telus** (**KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.3.3**). Selain itu, kajian semula kandungan kurikulum seperti pelaksanaan semakan **IQA-04** yang sejajar dengan **keperluan industri semasa** dan kompetitif dengan **institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara**, meningkatkan program pengantarabangsa dengan **memperkukuhkan kerjasama sedia ada** dan **mengenalpasti kerjasama baharu**, memperkenalkan **program pengiktirafan kemahiran** dan **memperkukuh sokongan infrastruktur** untuk **keusahawanan pelajar** juga dilaksanakan (**KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.3.4**).

Selain itu, cadangan juga dikemukakan untuk meningkatkan **program sokongan kaunseling, bantuan kewangan** dan **aktiviti kokurikulum** bagi **kebajikan pelajar**. Inisiatif-inisiatif ini diberikan **perancangan teliti** agar dapat dilaksanakan secara teratur dan berterusan bagi memastikan hasil analisis mencapai matlamat meningkatkan kualiti dan pencapaian pelajar di KPPIM (**KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.3.5**).

SENARAI BUKTI :

1. [A1722_O01_OB04_OC03_20241_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.3.1.pdf](#)
2. [A1722_O01_OB04_OC03_20242_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.3.2.pdf](#)
3. [A1722_O01_OB04_OC03_20243_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.3.3.pdf](#)
4. [A1722_O01_OB04_OC03_20244_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.3.4.pdf](#)
5. [A1722_O01_OB04_OC03_20245_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.4.3.5.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Amalan pembudayaan terbaik yang terhasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan berterusan dan berinovasi bagi pengurusan dan pembangunan pelajar yang lebih efektif adalah penting dalam mencapai kecemerlangan menyeluruh. Melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan, KPPIM komited untuk membentuk **pembudayaan amalan operasi yang mampan, dinamik, berkesan dan inklusif** dalam kalangan pelajar dan kakitangan.

1. Kerjasama dan Pembangunan Antarabangsa

Melalui pemeteraian MoU dengan organisasi dan universiti antarabangsa, pelbagai peluang telah dibuka untuk pensijilan serta peningkatan kemahiran. Ini membudayakan kerjasama antarabangsa dan membuka jalan untuk program pertukaran serta penyelidikan bersama (**KPPIM_Lampiran_Operasi_6.5.1**).

2. Teknologi dan Kecekapan Operasi

Penggunaan **QR Code** yang boleh diimbas untuk mendapatkan borang-borang berkaitan HEP telah mempermudah proses bagi pelajar dan kakitangan. Ini membudayakan penggunaan teknologi dalam urusan pentadbiran dan meningkatkan kecekapan operasi. **Sistem Smart HEP** yang dibangunkan secara bersama oleh Dekan HEP KPPIM selaku Ahli Perunding Projek Pembangunan Sistem Respositori Pangkalan Data HEP UiTM digunapakai oleh seluruh Sistem UiTM. Ia dibangunkan bertujuan untuk pengurusan pelaporan yang lebih sistematik, cepat dan bersepadu yang juga antara inisiatif pembudayaan amalan operasi terbaik KPPIM (**KPPIM_Lampiran_Operasi_6.5.2**).

3. Sokongan dan Interaksi Pelajar dan Pembangunan Keusahawanan

Penubuhan **Student Lounge sebagai One-Stop Center** menyediakan perkhidmatan menyeluruh kepada pelajar. Tempat ini menjadi pusat aktiviti pelajar, membudayakan interaksi dan sokongan komuniti dalam kalangan mereka. **Sudut Keusahawanan** diwujudkan untuk membudayakan semangat keusahawanan di kalangan pelajar. Ini memberikan platform untuk pelajar mengembangkan idea perniagaan mereka, mendapatkan bimbingan, dan melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan (**KPPIM_Lampiran_Operasi_6.5.3**).

4. Kebajikan dan Komuniti

Inisiatif kebajikan seperti **Projek Kongsi Rezeki dan Pitstop KPPIM** membudayakan semangat membantu dan kebajikan di kalangan pelajar. Ini menggalakkan mereka untuk sentiasa prihatin terhadap keperluan rakan-rakan mereka dan masyarakat sekeliling (**KPPIM_Lampiran_Operasi_6.5.4**).

5. Pengurusan dan Disiplin Pelajar

Sistem Pengurusan Berpusat untuk aduan pelajar dan pemantauan kecemerlangan pelajar telah diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti pengurusan. Sistem ini membudayakan amalan pengurusan yang lebih sistematik dan berkesan. **Penguatkuasaan sistem saman untuk sahsiah rupa diri** juga telah diperkenalkan untuk memantau dan meningkatkan disiplin serta kualiti pelajar. Ini membudayakan kepatuhan terhadap peraturan dan meningkatkan integriti pelajar (**KPPIM_Lampiran_Operasi_6.5.5**).

Melalui pelbagai inisiatif dan sistem yang diperkenalkan, budaya peningkatan berterusan dan keberkesanan operasi telah dapat dicapai. Setiap penambahbaikan ini telah membentuk budaya yang positif dan dinamik dalam kalangan pelajar dan kakitangan, menuju ke arah kecemerlangan menyeluruh.

SENARAI BUKTI :

1. [A1722_O01_OB05_20241_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.5.1.pdf](#)
2. [A1722_O01_OB05_20242_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.5.2.pdf](#)
3. [A1722_O01_OB05_20243_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.5.3.pdf](#)
4. [A1722_O01_OB05_20244_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.5.4.pdf](#)
5. [A1722_O01_OB05_20245_KPPIM_Lampiran_Operasi_6.5.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil 1 : Pembangunan Pelajar

1.1 Akademik Pelajar (Graduate On Time (GOT), Anugerah Naib Canselor (ANC), Pensijilan Profesional, Latihan Industri)

1.2 Inovasi

1.3 Kebolehpasaran Graduan

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

KPPIM telah menunjukkan **pencapaian luar biasa** dalam **pembangunan pelajar**, merangkumi aspek GOT, ANC, pensijilan profesional, latihan industri, serta inovasi dan kebolehpasaran. Seiring dengan penghasilan **Model Mahasiswa KPPIM** yang menekankan antaranya **kecemerlangan akademik, inovasi, dan keupayaan global**, serta inisiatif **PRIMETEER** dan **INTPRIME** oleh HEP KPPIM, dan juga melalui *tagline Iconic and Impactful* dan **KPPIMGoGlobal**, KPPIM telah muncul sebagai antara **peneraju utama** dalam melahirkan pelajar yang mampu menerajui masa depan dengan keyakinan.

KPPIM telah mencapai **kejayaan melampaui sasaran** dalam pelbagai aspek pada tahun 2023, termasuk pencapaian pelajar GOT (**103.4%**), penyertaan pelajar dalam program rekacipta dan inovasi (**143.1%**), penglibatan pelajar dalam program inovasi dan Teknologi IPT (**228.6%**), bilangan syarikat berasaskan inovasi dan teknologi (**122.2%**) dan peratus kebolehpasaran graduan (**103.3%**), graduan bekerja di MNC (**132.0%**) dan graduan yang bergaji (RM3K dan ke atas) (**203.3%**). Bilangan graduan yang menerima ANC telah menunjukkan **peningkatan konsisten** dari 158 (tahun 2021) kepada 224 (2022) dan 240 (2023). Pemilikan sijil profesional (Microsoft) oleh pelajar telah **meningkat** dari 0% (tahun 2021) kepada 0.44% (2022) dan 4.8% (2023). Lebih separuh pelajar (52.23%) memilih MNC dan 31.11% memilih GLC untuk latihan industri, menunjukkan kecenderungan terhadap organisasi dengan gaji premium. Pelajar yang menjalani latihan di luar negara juga **meningkat** kepada 0.62% pada tahun 2023, mencerminkan komitmen KPPIM dalam menyediakan pengalaman global.

Tren yang stabil, melebihi sasaran dari tahun 2021 hingga 2023 melalui pencapaian pelajar GOT. **Tren positif** dalam peningkatan bilangan graduan menerima ANC, pemilikan sijil profesional (Microsoft) dan penyertaan dalam latihan industri di luar negara dari tahun 2021 hingga 2023. **Tren positif, melebihi sasaran** juga dapat dilihat dalam penglibatan pelajar menyertai program rekacipta dan inovasi dan program inovasi dan teknologi IPT serta bilangan student *start-up companies* berasaskan inovasi dan teknologi. Peratusan bagi kebolehpasaran graduan KPPIM dan yang mendapat gaji (RM3K dan ke atas) juga telah menunjukkan **tren positif, melebihi sasaran nasional** pada tahun 2022 dan 2023. Peratusan graduan bekerja di MNC juga menunjukkan **tren positif, melebihi sasaran** dari tahun 2021 hingga 2023. Peratusan graduan KPPIM bekerja dalam bidang, mendapat gaji premium (RM4K ke atas) dan bekerja di luar negara juga telah menunjukkan **tren peningkatan yang konsisten**.

Tahun 2023, KPPIM telah mencapai **peratus tertinggi** dalam pelajar GOT (**93.1%**) dan pelajar yang mendapat ANC (**11.7%**), **melebihi** PTJ lain. KPPIM telah mencatatkan bilangan pelajar **tertinggi** dalam program rekacipta dan inovasi serta menjadi antara **penyumbang utama** graduan dengan gaji premium (RM4K ke atas). KPPIM telah **mendahului** Skor GE (**88.7%**),

jumlah mengatasi kolej vokasional (88.2%), kolej komuniti (88.1%), IPT (82.7%), dan Politeknik (76.6%), dan telah mencapai **peratusan tertinggi** graduan bekerja di MNC, mengatasi institusi lain. **KPPIM**, antara PTJ yang telah **menerajui kecemerlangan UiTM** sebagai **universiti pilihan teratas majikan** melalui bidang Sains Aktuari, Analitik, Pengkomputeran, Teknologi Maklumat, Matematik dan Statistik.

Kejayaan KPPIM ini telah memberi **impak signifikan**, telah meningkatkan **ketampakan UiTM** di peringkat global, selari dengan agenda **[Globally Renowned University \(GRU\) 2025: Menyerlahkan Potensi Membentuk Masa Hadapan](#)**, dan selaras dengan dasar pembangunan **Malaysia Madani** serta **11 fokus KPT** antaranya **Kualiti dan Kecemerlangan Akademik** dan **Pemeriksaan Mahasiswa**. Ini secara tidak langsung telah **mendukung** dan **memperkuatkan** matlamat **SDG 4: Quality Education**.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_A1722_HB02_20241_KPPIM Lampiran Hasil 7.1.2..pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_A1722_HB03_20242_KPPIM Lampiran Hasil 7.1.3..pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_A1722_HB04_20243_KPPIM Lampiran Hasil 7.1.4..pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_A1722_HB05_20244_KPPIM Lampiran Hasil 7.1.5..pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil 3 : Hasil Pengurusan Pelajar (Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar)

3.1 Sumbangan dan Kebajikan Pelajar

3.2 Zakat

3.3 SUFO

3.4 Sinergi OKU

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

HEP KPPIM telah memfokuskan antaranya kepada aspek pengurusan **Kebajikan dan Kesejahteraan pelajar** yang merangkumi Tabung dan Kebajikan, Zakat, SUFO dan sinergi OKU. Pencapaian kepada hasil daripada pengurusan pelajar (Kebajikan dan Kesejahteraan) ini telah menggunakan pendekatan **Model WTEC** dan **Model Mahasiswa KPPIM**.

Tahap pencapaian dapat dilihat melalui **peningkatan jumlah kutipan** dana sepanjang tiga tahun berturut-turut, terutama pada tahun 2022 dan 2023, menunjukkan komitmen HEP KPPIM dalam memastikan kebajikan pelajar sentiasa terjaga. Kejayaan ini mencerminkan usaha berterusan universiti dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang menyeluruh. Kesejahteraan pelajar yang terjamin membolehkan mereka menumpukan perhatian kepada pembelajaran, yang secara langsung telah meningkatkan prestasi akademik. Peningkatan **Graduate on Time (GOT)** setiap tahun, serta pencapaian Anugerah Naib Canselor oleh pelajar yang terlibat, mengukuhkan lagi komitmen ini. Selain itu, **kemenjadian pelajar KPPIM meningkat secara konsisten sebanyak 90% pada tahun 2022 dan 2023**, membuktikan bahawa sokongan yang mencukupi membantu pelajar mencapai kecemerlangan akademik dan keseimbangan dalam kehidupan. Tambahan pula, **pencapaian KPPIM untuk SUFO dapat dilihat dari tahun 2021 hingga 2023 menunjukkan peningkatan kepuasan pelajar yang konsisten, dengan peratusan pencapaian meningkat dari 89% pada tahun 2021 kepada 92% pada tahun 2023 melebihi sasaran** yang ditetapkan sebanyak 80%. Peningkatan ini mencerminkan tahap kepuasan pelajar yang semakin tinggi terhadap aspek-aspek seperti infrastruktur, profesionalisme pensyarah, dan aktiviti pembelajaran di KPPIM.

Dari sudut tren pengurusan pelajar dapat dilihat **sangat ketara dari 2021 ke 2023** bahawa HEP KPPIM telah berjaya melebihi sasaran bantuan kepada pelajar, dengan **peningkatan nilai bantuan pada 2022 dan 2023** meskipun penerima berkurang. Inisiatif seperti kotak rezeki dan bantuan kewangan kecemasan memastikan semua pelajar mendapat sokongan. Jumlah agihan zakat juga meningkat dari RM213,400.00 pada 2021 kepada RM306,200.00 pada 2022, walaupun ada sedikit penurunan pada 2023, dengan agihan sebanyak RM289,800.00. **Ini menunjukkan komitmen HEP KPPIM dalam menjaga kebajikan pelajar.**

Manakala untuk perbandingan hasil pula, sumbangan yang diterima oleh KPPIM, terutama daripada alumni, membolehkan pelajar melaksanakan kegiatan harian dengan lebih lancar. Pada 2023, KPPIM telah **berjaya mengumpul dana** sebanyak RM29,200, jauh melebihi Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim (IPGKTI) yang hanya mengumpul RM15,832. Ini menunjukkan keprihatinan komuniti KPPIM dan potensi besar untuk meningkatkan sumbangan di masa hadapan. Dalam konteks zakat, UiTM unggul dalam pengumpulan dana berbanding universiti awam lain. Pada 2021, UiTM mengumpul RM12,145,000.21, jauh melebihi USM dengan RM811,645.00. Pada 2022 dan 2023, UiTM terus menunjukkan prestasi cemerlang dengan kutipan masing-masing RM12,026,045.86 dan RM3,780,910.97. Prestasi ini telah mencerminkan keseriusan UiTM dalam memastikan kebajikan pelajar melalui

pengumpulan dana zakat yang signifikan.

KPPIM telah memainkan peranan penting dalam merealisasikan hasrat universiti. Ini terbukti melalui kejayaan di Majlis Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU) 2023, termasuk **Anugerah 6 Bintang PTJ**. Ini menunjukkan komitmen KPPIM dalam melahirkan graduan berdaya saing melalui **Model Mahasiswa KPPIM**. Pameran *Immersive Experience Environment* juga telah menonjolkan kemampuan pelajar dalam meningkatkan reputasi PTJ dan universiti.

Pelajar KPPIM juga telah berperanan sebagai **duta universiti**, membawa nama UiTM ke peringkat antarabangsa melalui program seperti *Japan-Asia Youth Exchange Program in Science*. Melalui Model WTEC dan Model Mahasiswa KPPIM, pelajar telah dilatih menjadi individu yang berintegriti dan mampu menyumbang secara positif di peringkat global.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_A1722_HB02_20241_KPPIM Lampiran Hasil 7.2.2.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_A1722_HB03_20242_KPPIM Lampiran Hasil 7.2.3.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_A1722_HB04_20243_KPPIM Lampiran Hasil 7.2.4.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_A1722_HB05_20244_KPPIM Lampiran Hasil 7.2.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Hasil 2 : Pembangunan Kepimpinan Pelajar

2.1 Pengantarabangsaan Pelajar

2.2 Kepimpinan Ambassador / Duta Pelajar

2.3 Kesukarelawan Pelajar

2.4 Kesukanan dan Kesenian Pelajar

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Selari dengan inisiatif utama KPPIM, terdapat **(4) hasil utama** bagi **pembangunan kepimpinan pelajar** iaitu Pengantarabangsaan, Kepimpinan Ambassador/Duta Pelajar, Kesukarelawan, dan Kesukanan dan Kesenian. Kesemua hasil ini menunjukkan **pencapaian yang luar biasa** dalam melahirkan pelajar yang mempunyai semua elemen model mahasiswa ***Sought After and Self Sustained Talent*** dengan tagline ***Iconic and Impactful***.

Berdasarkan Model Mahasiswa, **tahap pencapaian KPPIM** mencatatkan **lonjakan besar** dengan pencapaian **melebihi tahap sasaran**. Ini dapat dilihat daripada hasil pencapaian program pengantarabangsaan pelajar yang **meningkat** termasuk **penganjuran program (300%)**, **penyertaan pelajar (170%)**, dan **penyertaan dalam program outbound (235%)**. **Pertumbuhan yang luar biasa** dalam penglibatan pelajar dan konsistensi pencapaian melebihi sasaran setiap tahun menggambarkan keberkesanan pendekatan **KPPIMGoGlobal** dan **1000Kejayaan** serta kerjasama yang kukuh dengan universiti, industri, dan institusi rakan kongsi. **Selain itu, peningkatan melebihi 300%** dapat dilihat hasil daripada program **kepimpinan Ambassador/Duta Pelajar** dari tahun 2022 sehingga 2023. Pencapaian penyertaan program kesukarelawan dan kesukanan dan kesenian pelajar pada tahun 2023 juga menunjukkan peningkatan yang sangat ketara iaitu **lebih dua kali ganda** daripada sasaran yang telah ditetapkan.

Tren kenaikan yang positif dan **melebihi sasaran** dengan purata **peratus pencapaian melebihi 100%** juga ditunjukkan dari bidang tumpuan ini dari tahun 2021 hingga 2023 melalui pencapaian pelajar dalam penyertaan dan penganjuran program pengantarabangsaan, kesukarelawan dan juga kesukanan dan kesenian. Tahun 2023 juga telah menyumbang **67%** kepada peratusan jumlah pelajar yang dilantik menjadi duta pelajar, **meningkat sebanyak 103%** berbanding tahun 2022. Peningkatan ini menunjukkan pertumbuhan yang positif dalam jumlah pelajar KPPIM yang dipilih oleh industri dan menegaskan kejayaan strategi peningkatan prestasi yang dilaksanakan oleh HEP KPPIM.

Perbandingan di antara universiti awam (UA), dan universiti antarabangsa juga menunjukkan bahawa KPPIM mampu untuk bersaing dengan institusi pengajian tinggi (IPT) di dalam dan luar negara. Pada tahun 2023, **KPPIM telah mencapai bilangan penyertaan program pengantarabangsaan yang terbanyak berbanding dengan universiti awam lain di Malaysia**. **Selain itu, UiTM menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam program outbound dengan 1200 bilangan penyertaan pelajar yang paling tinggi antara universiti awam di Malaysia**. Daripada pencapaian ini, **30% adalah hasil sumbangan penyertaan adalah dari KPPIM**. KPPIM telah mencapai **37.04%** berbanding universiti antarabangsa dari jumlah bilangan pelajar yang menjadi duta di industri dalam dan luar negara. Penyertaan di dalam program kesukarelawan, KPPIM telah mencatatkan pencapaian yang amat membanggakan dimana menduduki **tangga kedua diantara PTJ di UiTM** dengan 300 pelajar. Selain itu, pencapaian KPPIM dalam kesukanan dan kesenian yang **lebih tinggi** berbanding dengan pencapaian universiti di luar negara.

Kepentingan atau impak dari empat hasil utama boleh dikategorikan kepada impak di peringkat individu, cawangan, universiti, negara serta global. Program-program dan aktiviti yang diadakan adalah sebahagian daripada proses untuk melahirkan graduan yang mempunyai nilai peribadi yang cemerlang, mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa, mempunyai inisiatif sendiri yang tinggi dan graduan yang seimbang. Di samping itu, hubungan strategik yang rapat dengan institusi dan agensi kerajaan dan swasta, serta universiti-universiti dalam dan luar negara membolehkan KPPIM untuk mengadakan pelbagai **program pengantarabangsaan, kesukarelawan, Ambassador dan kesukanan dan kesenian** selaras dengan objektif strategik dan inisiatif strategik universiti. Misi ini telah didokumenkan pada muka surat 18 dalam buku [Pelan Strategik KPPIM 2022-2025](#).

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_A1722_HB02_20241_KPPIM Lampiran Hasil 7.3.2- Tahap .pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_A1722_HB03_20242_KPPIM Lampiran Hasil 7.3.3- Tren .pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_A1722_HB04_20243_KPPIM Lampiran Hasil 7.3.4- Perbandingan .pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_A1722_HB05_20244_KPPIM Lampiran Hasil 7.3.5- Kepentingan..pdf](#)